

# **Tujuan Di Sebalik Penciptaan**

**Edisi Baru 1997**

**Oleh Dr. Abu Ameenah Bilal Philips**

Diterjemahkan oleh:  
Haseena Abdul Rahim  
Abdullah Omar

## Pendahuluan

Tujuan penciptaan merupakan suatu topik yang amat membingungkan setiap manusia pada suatu ketika dalam hidup mereka. Semua orang pasti akan bertanya pada diri mereka sendiri, "Mengapakah saya wujud?" atau "Apakah tujuan saya di dalam dunia ini?"

Wujudnya kepelbagaian dan kerumitan sistem-sistem terperinci yang membentukkan corak manusia dan dunia ini menunjukkan bahawa pasti adanya suatu makhluk tertinggi yang telah menciptakan semua ini. Rekaan menunjukkan adanya perek. Apabila manusia melihat jejak kaki di pantai, dengan segera mereka boleh menyimpulkan bahawa ada manusia yang telah berlalu di kawasan itu sebelum itu. Tiada sesiapa yang akan terfikir bahawa ombak dari laut yang mendap di pasir pantai boleh menghasilkan kesan yang merupakan jejak kaki manusia dengan secara kebetulan. Berdasarkan naluri mereka, manusia juga tidak akan menyimpulkan bahawa mereka telah dijadikan tanpa sebab. Setiap tindakan yang bertujuan merupakan hasil semulajadi dari kecerdasan manusia. Oleh itu, mereka menyimpulkan bahawa Makhluk Bijak Tertinggi yang telah menciptakan mereka pasti telah melakukannya dengan tujuan tertentu. Dengan itu, manusia perlu mengetahui tujuan penciptaan mereka agar dapat mereka memahami matlamat kehidupan ini dan melakukan apa sahaja yang bermanfaat untuk diri mereka.

Namun, dalam sepanjang zaman, ada segolongan kecil yang telah menolak adanya Tuhan. Pada pendapat mereka, jirim adalah sesuatu yang kekal. Manusia hanyalah hasil dari gabungan unsur-unsur jirim dengan secara kebetulan sahaja. Akibatnya, bagi mereka, persoalan "Mengapa Tuhan menciptakan manusia?" tidak ada dan masih belum ada jawapannya. Dalam anggapan mereka, kehidupan ini tiada tujuannya. Tetapi, sebilangan besar dari manusia mempercayai dan akan terus percaya akan kewujudannya Makhluk Maha Tinggi yang telah mencipta dunia ini dengan bertujuan. Bagi mereka, perkara ini adalah penting untuk mengetahui tentang Si Pencipta dan apakah tujuan makhluk-makhluk yang diciptakanNya.

## Jawapannya

Untuk menjawab persoalan "Mengapakah Tuhan mencipta manusia?", perlulah kita pastikan dahulu dari sudut pandangan manakah soalan itu diajukan. Dari sudut pandangan Tuhan, ia boleh membawa maksud, "Apakah menyebabkan Tuhan mencipta manusia?" Manakala dari sudut pandangan manusia, ia bermaksud, "Mengapakah Tuhan mencipta manusia?" Kedua-dua pandangan ini melambangkan pelbagai sudut dari persoalan menarik "Mengapakah saya wujud?" Dalam halaman-halaman seterusnya, kedua-dua pandangan dari persoalan ini akan dikaji berdasarkan gambaran jelas yang telah diuraikan dalam wahyu. Tajuk ini tidak wajar untuk diperkirakan oleh manusia kerana andaian manusia sepastinya tidak mampu untuk menghasilkan kebenaran yang keseluruhan dalam perkara ini. Bolehkah manusia dapat menyimpulkan kenyataan tentang kewujudan mereka dengan bijaksana jika mereka sendiri tidak dapat memahami bagaimana cara otak dan akal mereka berfungsi? Akibatnya, sepanjang zaman, ramai ahli falsafah yang telah membuat andaian mengenai persoalan ini dengan jawapan yang tidak terbilang banyaknya. Namun, kesemua jawapan mereka berdasarkan andaian yang tidak dapat dibuktikan. Bahkan, soalan-soalan mengenai tajuk ini telah menyebabkan sebilangan ahli falsafah mendakwa bahawa manusia sebenarnya tidak wujud dan seluruh dunia ini hanyalah khayalan semata. Sebagai contoh, ahli falsafah Yunani, Plato (428-348 SM), berpendapat bahawa dunia sehari-hari yang berubah, di mana manusia mengenalinya dengan pancaindera mereka, bukanlah hakikat yang utama. Ia hanyalah dunia

bayangan sahaja.<sup>1</sup> Ramai ahli falsafah yang lain, sepetimana yang telah disebutkan sebelum ini, telah mendakwa dan terus mendakwa bahawa tidak ada tujuan bagi penciptaan manusia sama sekali. Menurut mereka, kewujudan manusia hanyalah dengan secara kebetulan sahaja. Tiada tujuan bagi kehidupan jika ia berkembang dari sesuatu tidak bernyawa di permulaannya dan kemudian dihidupkan kerana bernasib baik. Pada pandangan mereka, ‘sepupu’ manusia, iaitu monyet dan kera, tidak kisah tentang persoalan kewujudan. Oleh itu, mengapakah manusia perlu disibukkan dengan perkara ini?

Walaupun kebanyakan orang akan mengetepikan persoalan mengenai kejadian manusia setelah sekali-sekala merenungkannya secara ringkas, ia *adalah* amat penting bagi mereka untuk mengetahui jawapannya. Tanpa mengetahui jawapan yang sebenar, ia seolah-olah seperti tiada perbezaan antara manusia dan haiwan di sekeliling mereka. Keperluan haiwan dan keinginan mereka untuk makan, minum dan membiak menjadi tujuan kewujudan manusia secara amnya. Tujuan yang terhad ini kemudian dijadikan tumpuan untuk manusia berusaha mendapatkannya. Apabila kepuasan materialistik menjadi matlamat terpenting dalam kehidupan, kewujudan manusia menjadi lebih hina daripada haiwan yang paling rendah darjatnya. Manusia akan tekal menyalahgunakan kecerdasan yang dikurniakan Tuhan apabila mereka tidak memahami tujuan kewujudan mereka. Orang yang rendah nilai mindanya akan menggunakan untuk membuat dadah dan bom, dan menjadi asyik dengan percabulan, bahan lucah, homoseksual, tilik nasib, membunuh diri dan sebagainya. Tanpa mengetahui tujuan hidup, kewujudan manusia seperti kehilangan maknanya dan menjadi amat merugikan. Ganjaran untuk mendapat kehidupan bahagia yang abadi di akhirat kelak akan musnah sepenuhnya. Oleh itu, ia adalah sangat penting bagi manusia untuk menjawab dengan betul persoalan “Mengapa kita di dunia ini?”

Sering kali, manusia bergantung kepada orang yang serupa dengan mereka untuk mendapatkan jawapan. Namun, satu-satunya sumber yang boleh memberikan jawapan yang jelas dan tepat bagi soalan-soalan sebegini adalah di dalam kitab-kitab yang diwahyukan. Semestinya, Tuhan telah menyatakan tujuan ini kepada manusia melalui para nabiNya kerana manusia tidak mampu memperolehi jawapan yang betul dengan sendirinya. Kesemua para nabi telah mengajarkan kepada pengikut-pengikut mereka jawapan kepada persoalan “Mengapa Tuhan menciptakan manusia?”

## Kitab-Kitab Suci Judeo-Christian

Peninjauan kitab Bible boleh menjadikan si pencari kebenaran yang jujur merasa kehilangan. Perjanjian Lama lebih mengutamakan undang-undang, sejarah manusia purba dan orang Yahudi daripada menjawab pertanyaan penting mengenai penciptaan manusia.<sup>2</sup> Dalam kitab Kejadian, Tuhan menciptakan dunia, Adam dan Hawa dalam enam hari dan ‘berehat’ dari

<sup>1</sup> Pandangan ini telah diuraikan dalam bukunya *The Republic* berdasarkan kiasan termasyhurnya mengenai gua, di mana perubahan dalam dunia fizikal dibandingkan dengan bayaangan yang terukir di dinding gua (*The New Encyclopaedia Britannica*, jilid 25, ms 552)

<sup>2</sup> Dalam Isaiah, Bani Israel diciptakan untuk kemuliaan Tuhan. “1. Tetapi sekarang, beginilah firman Tuhan yang menciptakan engkau, hai Yakub, yang membentuk engkau, hai Israel: ‘Janganlah takut, sebab Aku telah menebus engkau, Aku telah memanggil engkau dengan namamu, engkau ini kepunyaanku. 6. Aku akan berkata kepada utara: Berikanlah! dan kepada selatan: Janganlah tahan-tahan! Bawalah anak-anak lelaki Ku dari jauh, dan anak-anak perempuan Ku dari ujung-ujung bumi. 7. semua orang yang disebutkan dengan nama-Ku yang Kuciptakan untuk kemuliaan-Ku, yang Ku bentuk dan yang juga Ku jadikan!’” (RSV, Yesaya 43:1. 6-7)

tugasNya pada hari ketujuh.<sup>3</sup> Adam dan Hawa tidak mentaati Tuhan dan telah dihukum. Demikian pula anak-anak mereka, Qabil dan Habil. Qabil telah membunuh Habil dan kemudian menetap di bumi Nod. Selepas kejadian itu, Tuhan ‘menyesal’ kerana telah mencipta manusia!<sup>4</sup> Mengapakah tiada jawapan di dalamnya yang jelas dan tepat? Mengapakah bahasa yang digunakan kebanyakannya simbolik, sehingga pembaca harus meneka apa yang dimaksudkan? Sebagai contoh, Kejadian 6:6 menyatakan, “Ketika manusia mulai membiak di muka bumi dan anak-anak perempuan dilahirkan, **anak-anak lelaki Tuhan** melihat bahawa anak-anak perempuan manusia itu cantik dan telah memperisterikan mereka, siapa sahaja yang mereka pilih.” Siapakah “anak-anak lelaki Tuhan” ini? Setiap mazhab Yahudi dan kebanyakan mazhab Kristian yang mengikuti mereka mempunyai penjelasan yang tersendiri. Yang manakah tafsiran yang betul? Sebenarnya, tujuan penciptaan manusia telah diajarkan oleh para nabi yang terdahulu. Namun, sebahagian dari pengikut mereka – dengan bersubahat bersama syaitan – kemudian mengubah kitab-kitab suci mereka. Kebenaran yang telah diterangkan menjadi kurang jelas dan kebanyakan wahuu telah disembunyikan dengan menggunakan bahasa simbolik. Ketika Tuhan mengutus Nabi Isa kepada kaum Yahudi, beliau telah membalikkan meja para pedagang yang berniaga di dalam kuil<sup>5</sup> dan berkhutbah menentang penafsiran hukum-hakam agama yang diamalkan oleh para pendita Yahudi. Dia telah menegakkan syariah Nabi Musa dan menghidupkan semula pengamalannya. Dia mengajarkan tujuan hidup kepada pengikut-pengikutnya dan menunjukkan mereka cara untuk mencapai matlamat ini hingga saat-saat akhirnya di dunia. Namun, setelah pemergiannya, ajarannya diputarbelitkan oleh beberapa pihak yang mengaku sebagai pengikutnya. Kebenaran jelas yang telah diajarnya menjadi samar-samar, seperti ajaran para nabi yang sebelumnya. Simbolisme diperkenalkan, terutama sekali melalui “Wahyu” Yohanes, manakala kitab Injil yang diwahyukan kepada Nabi Isa telah hilang. Empat kitab lain yang disusun oleh manusia telah dipilih oleh Athanasius, seorang biskop abad keempat,<sup>6</sup> untuk menggantikan Injil Nabi Isa yang hilang itu. 23 naskah buku hasil tulisan Paulus dan yang lain telah dimasukkan ke dalam Perjanjian Baru dan telah melebihi empat versi kitab bible.<sup>7</sup> Natijahnya, para pembaca Perjanjian Baru tidak dapat menemui jawapan yang tepat bagi pertanyaan “Mengapa Tuhan menciptakan manusia?”<sup>8</sup> Oleh itu, mereka terpaksa bertaqlid buta mengikuti dogma yang direka oleh apa jua mazhab yang mereka pilih. Kitab-kitab ini ditafsirkan menurut kepercayaan

<sup>3</sup> 2. Ketika Tuhan pada hari ketujuh telah menyelesaikan pekerjaan yang dibuatNya itu, berhentilah Ia pada hari ketujuh dari segala pekerjaan yang telah dibuatNya itu. 3. Lalu Tuhan memberkati hari ketujuh itu dan menguduskannya, kerana pada hari itulah Ia berhenti dari segala pekerjaan penciptaan yang telah dibuatNya itu. (RSV. Kejadian 2:2-3)

<sup>4</sup> Maka Tuhan menyesal kerana Ia telah menjadikan manusia di bumi, dan hal itu memilukan hatiNya. (RSV. Kejadian 6:6)

<sup>5</sup> Lukas 19:45 (RSV)

<sup>6</sup> *The New Encyclopaedia Britannica*, jilid 14. ms 814.

<sup>7</sup> Pada pertengahan abad ke-4 manuskrip yang disebut Codex Sinaiticus. *Surat Barnabas* dan *Gembala Hermas* dimasukkan sebagai sebahagian dari Perjanjian Baru. (*The New Encyclopaedia Britannica*, jilid 14, ms 814)

<sup>8</sup> Apa yang disebut di dalam Versi King James sebagai tujuan penciptaan, Wahyu 4:11 “Hanya Engkau yang layak menerima kemuliaan, kehormatan dan kuasa, kerana Engkaulah yang mencipta segala-galanya, dan **untuk kesenanganMu mereka diciptakan**” diterjemahkan kembali dalam Versi King James Terjemahan Baru semula sebagai: “Hanya Engkau yang layak menerima kemuliaan, kehormatan dan kuasa, kerana Engkaulah yang mencipta segala-galanya, dan **dengan kehendak-Mu segala-galanya wujud dan dicipta**”. Dalam surat Paulus kepada orang-orang Kolose, dia menjelaskan bahawa dunia diciptakan untuk Nabi Isa. “Dia ialah gambaran Allah yang tidak kelihatan, Dialah anak sulung antara segala yang diciptakan.<sup>15</sup> Kerana melalui Dia segala sesuatu diciptakan: yang wujud di bumi dan di syurga, yang kelihatan dan tidak kelihatan, baik yang bertakhta mahupun yang berkuasa, baik pemerintah mahupun kerajaan; segala-galanya telah dicipta melaluiNya dan untukNya”.<sup>16</sup> (RSV. Kolose 1:15-16)

setiap mazhab. Oleh itu, para pencari kebenaran sekali lagi tertanya-tanya, mana satukah yang benar?

## Penjelmaan Tuhan

Kemungkinan satu sahaja konsep yang sama bagi kebanyakan mazhab Kristian mengenai tujuan penciptaan manusia adalah apabila Tuhan telah menjadi seorang lelaki supaya dapat dibunuh di tangan manusia untuk menebuskan dosa yang diwarisi dari Nabi Adam dan keturunannya. Pada pandangan mereka, dosa ini telah menjadi sangat besar sehingga tiada tindakan penebusan atau penyesalan yang dapat menghapusnya. Tuhan adalah sangat baik sehinggakan manusia yang berdosa tidak layak berdiri di hadapanNya. Oleh itu, hanya pengorbanan Tuhan sahajalah yang dapat menyelamatkan manusia dari dosa.

Menurut Gereja, kepercayaan akan mitos rekaan manusia ini menjadi satu-satunya sumber penyelamat. Akibatnya, tujuan penciptaan orang Kristian menjadi pengakuan akan ‘pengorbanan Ilahi’ dan penerimaan Nabi Isa sebagai Tuhan. Ini dapat disimpulkan dari kata-kata berikut yang dinisbahkan kepada Nabi Isa dalam Bible menurut Yohanes, “*Tuhan begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan AnakNya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepadaNya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.*”<sup>9</sup>

Namun, jika inilah tujuan penciptaan dan syarat untuk kehidupan abadi, mengapakah ia tidak diajarkan oleh semua para nabi? Mengapa Tuhan tidak menjadi seorang manusia pada zaman Nabi Adam dan keturunannya supaya semua umat manusia mendapat peluang yang sama untuk memenuhi tujuan kehidupan mereka dan mencapai kehidupan yang kekal? Adakah orang-orang sebelum zaman Nabi Isa mempunyai tujuan lain untuk kehidupan mereka? Semua manusia pada hari ini yang ditakdirkan Tuhan supaya tidak pernah mengenal Nabi Isa juga tidak berpeluang untuk memenuhi tujuan penciptaan mereka. Tujuan seperti ini, secara terang, amatlah terhad untuk memenuhi keperluan manusia.

## Segala-galanya adalah Tuhan

Kitab-kitab Hindu mengajarkan bahawa terdapat banyak tuhan, penjelmaan dewa-dewa, orang-orang Tuhan dan semuanya adalah Tuhan, *Brahman*. Walaupun kepercayaan mereka menyatakan bahawa diri (*atman*) semua makhluk sebenarnya adalah *Brahman*, suatu sistem kasta penindasan telah berkembang di mana golongan Brahman, yakni kasta pendeta, memiliki kekuasaan rohani berdasarkan kelahiran mereka. Mereka adalah guru *Veda*<sup>10</sup> dan mewakili kesucian ritual yang sempurna dan darjah sosial yang tinggi. Di sebaliknya, kasta Sudra telah dikecualikan dari kedudukan agama dan satu-satunya tugas mereka dalam hidup hanyalah untuk “melayani dengan taat”<sup>11</sup> akan ketiga-tiga kasta yang lain serta ribuan cabangan-cabangan mereka.

Menurut ahli falsafah monisme Hindu, tujuan manusia adalah untuk mencapai sifat ketuhanan dan — mengikuti jalan (*marga*) supaya bebas (*moksha*) dari kelahiran semula —

<sup>9</sup> Yohanes. 3:16 (RSV)

<sup>10</sup> Veda yang bermaksud “Pengetahuan” merupakan istilah gabungan untuk kitab suci Hindu yang diwahyukan (*sruti*: didengar). Semua karya lain - di mana kefahaman dan kebiasaan pengikut Hindu dicatatkan - diakui disusun oleh pengarang manusia dan digolongkan sebagai *smriti* (diingati). (*The New Encyclopaedia Britannica*, jilid 20. ms 530)

<sup>11</sup> *Manava Dharmashastra* 1.91. (*The New Encyclopaedia Britannica*, jilid 20. ms 553)

penyerapan semula jiwa manusia (*atman*) ke dalam realiti hakiki, *Brahman*. Bagi mereka yang mengikuti jalan *bhakti*,<sup>12</sup> tujuan mereka adalah untuk mengasihi Tuhan kerana Tuhan telah menciptakan manusia untuk “menikmati hubungan – sebagaimana seorang ayah menikmati anak-anaknya” (*Srimad Bhagwatam*). Bagi orang awam yang beragama Hindu, tujuan utama kehidupan di dunia terletak pada penyesuaian diri mereka dalam tugas sosial dan ritual, mengikut peraturan adab tradisional bagi kasta masing-masing – yakni jalan *karma*.<sup>13</sup>

Walaupun kebanyakan agama dari teks *Veda* yang melibatkan ritual pengorbanan api telah diketepikan oleh ajaran Hindu dan adat dari teks-teks lain, namun kewibawaan dan kesucian mutlak *Veda* tetap menjadi prinsip utama hampir kesemua mazhab dan tradisi dalam agama Hindu. *Veda* terdiri dari empat himpunan, yang tertua adalah *Rigveda* (“Hikmah dari Ayat-ayat”). Teks-teks ini telah menggambarkan Tuhan dengan istilah yang amat membingungkan. Agama yang tercermin dalam *Rigveda* adalah politeisme (kepercayaan kepada lebih daripada satu tuhan) yang mengambil berat tentang menyenangkan dewa-dewa berkaitan dengan langit dan udara. Dewa yang paling utama adalah *Indra* (dewa langit dan hujan), *Baruna* (penjaga susunan kosmik), *Agni* (api pengorbanan) dan *Surya* (Matahari). Dalam teks-teks *Veda* yang kemudian, perhatian terhadap dewa-dewa *Rigveda* yang awal berkurangan dan politeisme mulai digantikan kepada pengorbanan pantheisme (kepercayaan bahawa tuhan berada di mana sahaja dalam alam dan cakerawala) terhadap *Prajapati* (Tuhan sekian Makhluk), yang merupakan Semuanya. Dalam *Upanishad* (ajaran sulit mengenai rumusan kosmik), *Prajapati* bergabung dengan konsep *Brahman*, realiti tertinggi dan zat alam semesta, supaya menggantikan sebarang lambang yang tertentu sehingga dapat berubah mitologinya menjadi falsafah abstrak.<sup>14</sup> Sekiranya kandungan kitab-kitab ini sahajalah yang dapat manusia gunakan sebagai petunjuk, mereka hanya mampu menyimpulkan bahawa Tuhan telah menyembunyikan diriNya dan juga tujuan penciptaan daripada manusia.

Tuhan bukanlah pengarang kebingungan dan Dia tidak ingin menyusahkan manusia. Oleh itu, apabila Dia wahyukan komunikasi terakhirNya kepada umat manusia seribu empat ratus tahun yang lalu, Dia telah memastikan ia dikekalkan dengan sempurna untuk semua generasi manusia yang akan datang. Dalam kitab terakhir, Al-Qur'an, Tuhan telah menyatakan tujuanNya untuk mencipta manusia. Melalui nabi terakhirNya, Dia telah menerangkan semua maklumat yang dapat difahami manusia. Berdasarkan wahu ini dan penjelasan dari nabi, maka bolehlah kita mengkaji jawapan-jawapan yang tepat bagi pertanyaan “Mengapa Tuhan menciptakan manusia?” di halaman-halaman seterusnya.

## Mengapa Tuhan Menciptakan?

Dari pandangan Tuhan, soalan yang lebih asas yang perlu diajukan ialah, “Mengapa Tuhan menciptakan?” Soalan ini harus ditanya kerana sebenarnya, manusia bukanlah ciptaan yang terhebat. Di dalam Al-Qur'an, Tuhan telah berfirman dalam Surah *Ghaafir*:

<sup>12</sup> Jalan pengabdian kepada Tuhan peribadi di mana *murtis* (berhala) disembah dengan harapan akan pergi ke *krishnaloka* (planet rohani) dalam kehidupan mereka yang seterusnya.

<sup>13</sup> *The New Encyclopaedia Britannica*, jilid 20. ms 520

<sup>14</sup> *The New Encyclopaedia Britannica*, jilid 20. ms 529-530



لَخْلُقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أَكْبَرُ مِنْ حَلْقِ النَّاسِ وَلِكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

“Demi sesungguhnya, menciptakan langit dan bumi (dari tiada kepada ada) lebih besar (dan lebih menakjubkan) daripada menciptakan manusia dan menghidupkannya semula (sesudah matinya); akan tetapi kebanyakan manusia (yang mengingkari hari kiamat) tidak mengetahui.”

Al-Qur'an, 40:57

Komposisi manusia tidaklah begitu rumit jika dibandingkan dengan komposisi alam semesta di mana mereka wujud. Namun, hanya segelintir sahaja golongan manusia yang merenungkan kenyataan ini. Oleh kerana sifat ketuanan manusia terhadap makhluk lain di bumi, perjalanan mereka ke angkasa serta ketingkatan kemajuan teknologi dan ilmu pengetahuan, manusia pada setiap zaman menjadi sompong dan menganggap diri mereka sebagai makhluk yang terhebat di dunia. Harus diberi perhatian bahawa kebanyakan penemuan manusia yang menakjubkan bukanlah mengenai diri mereka, namun ia adalah tentang alam di persekitaran mereka. Oleh itu, usaha mereka cenderung tertumpu kepada harta keduniaan dan bukan terhadap manusia. Dalam ayat ini, Tuhan membawa manusia kembali kepada kedudukan mereka yang sebenarnya di dunia ini. Manusia hanyalah sebahagian kecil dari kehidupan yang dihasilkan dari ciptaan Ilahi yang menakjubkan. Oleh itu, untuk memahami mengapa Tuhan menciptakan manusia, pertama-tamanya perlulah menjawab persoalan yang lebih asas, iaitu mengapa Tuhan menciptakan.

## Si Pencipta

Penciptaan pada dasarnya adalah hasil dari sifat Ilahi sebagai Pencipta. Pencipta yang tidak mencipta adalah sesuatu yang bertentangan. Ini bukanlah bermaksud bahawa Tuhan memerlukan ciptaanNya. Tuhan bebas dari segala keperluan. Ciptaanlah yang memerlukanNya. Namun, jika kehebatan seorang penulis dikesan dengan penulisannya, maka kesempurnaan sifat kreatif Ilahi terserlah dalam penciptaanNya. Erti penciptaan yang sebenarnya terhad bagi Tuhan sahaja. Walaupun manusia menganggap perbuatan mencipta adalah sesuatu yang mereka boleh lakukan, namun apa yang mereka hasilkan bukanlah penciptaan yang sebenar. Manusia hanya mengendalikan apa yang sudah ada – bahan-bahan yang telah Tuhan ciptakan. Sebuah meja diperbuat dari kayu yang berasal dari pokok dan dicantumkan dengan paku dan skru yang diperbuat dari logam yang berasal dari batu. Manusia tidak membuat pokok ataupun batu. Semua ciptaan manusia boleh dikesan kembali kepada bahan asas yang tidak mampu mereka ciptakan. Malah, seorang ahli seni ‘menghasilkan’ rekaannya berdasarkan apa yang telah dilihatnya. Tidak mungkin dia dapat membayangkan apa yang belum pernah dikesan oleh derianya. Oleh itu, kesemua pemikiran ahli seni adalah pantulan dari apa yang sudah dicipta. Hanya Tuhan yang unggul sahaja mampu mencipta dari yang tiada. Kenyataan yang asas ini masih tidak dapat difahami oleh sesetengah pihak. Beberapa ahli falsafah zaman dahulu dan yang moden tidak dapat memahami bagaimana Tuhan boleh menciptakan sesuatu dari tiada apa-apa pun. Mereka mendakwa bahawa dunia yang telah diciptakan dan isinya, semuanya berasal dari sebahagian daripada Tuhan.<sup>15</sup> Menurut

<sup>15</sup> Ini juga adalah kepercayaan Hindu mengenai realiti tertinggi, *Brahman*. Di dalam buku terakhir *Rigveda* (yang ke-10): dalam “Nyanyian Manusia Kosmik (*Purusasukta*)”, dikatakan bahawa alam semesta diciptakan dari bahagian-bahagian tubuh seorang manusia kosmik (*Purusa*) ketika tubuhnya dibakar dan dibongkar sewaktu pengorbanan purba. Empat kasta muncul dari tubuhnya: si pendeta (*Brahman*) dari mulut, si pejuang (*Rajanya*)

mereka, Tuhan telah mengambil sebahagian dari diriNya dan menjadikan alam semesta. Mereka telah membuat kesimpulan ini berdasarkan perbandingan antara Tuhan dengan manusia, yang hanya mampu ‘mencipta’ dengan mengubah apa yang sudah sedia ada. Namun, Tuhan menafikan sebarang perbandingan yang akan memberikan batasan terhadapNya. Dalam Surah *ash-Shoora* dari Al-Qur'an, Tuhan bersabda:

... لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ۱۱

“Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.”

Al-Qur'an, 42:11

Oleh itu, perbuatan mencipta merupakan hasil dari sifat Ilahi sebagai Pencipta. Tuhan menggambarkan diriNya sebagai Pencipta dalam banyak ayat-ayat Al-Qur'an untuk menekankan kepada manusia bahawa segala sesuatu adalah milikNya sahaja.

اللهُ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ ۶۲

“Allah Yang Menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dia lah Yang Mentadbirkan serta menguasai segala-galanya.”

Al-Qur'an, 39:62

وَاللهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ۶۳

“Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!”

Al-Qur'an, 37:96

Manusia perlu menyedari bahawa tidak ada yang berlaku di dalam alam semesta ini tanpa izin Tuhan. Untuk mencari perlindungan dari kejahatan atau berusaha untuk memperoleh kebaikan dari selain Tuhan adalah kesalahan yang amat besar. Disebabkan kejihilan, ramai orang berusaha untuk menghindari musibah dan memperoleh nasib baik melalui pelbagai tangkal dan azimat, astrologi, ilmu ramal tapak tangan dan lain-lain lagi. Akibatnya, dalam Al-Qur'an, Surah *al-Falaq*, Tuhan memberitahu manusia supaya berlindung kepadaNya dari kejahanan:

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ۱۴ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۱۵

“Katakanlah (wahai Muhammad); “Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk, Dari bencana makhluk-makhluk yang Ia ciptakan.”

Al-Qur'an, 113:1-2

Allah, Tuhan Yang Maha Kuasa, tidaklah jahat; Dia adalah baik. Dia menciptakan dunia di mana kejahanan atau kebaikan boleh dilakukan oleh makhluk yang telah Dia diberikan

---

dari lengan, si petani (Vaisya) dari paha, dan si pelayan (Sudra) dari kaki. (*The New Encyclopaedia Britannica*, jilid 20. ms 531).

kemampuan tersebut. Namun, tidak ada kejahatan atau kebaikan yang akan berlaku di dunia ini tanpa izin Tuhan. Inilah sebabnya mengapa meminta bantuan dan perlindungan dari selain Tuhan sia-sia sahaja.

 مَا أَصَابَ مِنْ مُّصِبَّةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلَيْهِ

“Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah.”

Al-Qur'an, 64:11

Nabi yang terakhir, Muhammad (ﷺ), menjelaskan konsep ini dengan lebih lanjut lagi dengan sabdanya, “*Ketahuilah, bahawa seandainya seluruh umat berkumpul untuk memberi suatu manfaat kepadamu, maka mereka tidak akan dapat memberi manfaat kepadamu, kecuali dengan sesuatu yang telah ditetapkan Allah untukmu. Sebaliknya, jika mereka berkumpul untuk menimpa suatu kemudaratan (bahaya) kepadamu, maka mereka tidak akan dapat menimpa suatu kemudaratan (bahaya) kepadamu, kecuali dengan sesuatu yang telah Allah tetapkan atasmu.*”<sup>16</sup>

## Yang Pengasih, Yang Pengampun

Sifat-sifat Ilahi seperti pengampunan, rahmat dan pengasih terserlah dalam penciptaan manusia. Manusia secara fitrah diciptakan baik dan suci dan sedar akan perkara yang baik dan buruk. Yang Mahakuasa juga menciptakan nafsu dalam diri manusia dan memberikan mereka kemampuan untuk mengawalnya, sama ada dengan mengikut hukum-hakam Ilahi ataupun melepaskannya dan menurutnya sewenang-wenangnya. Tuhan menciptakan manusia dengan pengetahuan mereka akan menderhakaiNya. Oleh itu, Dia mengajar mereka, bermula dari Adam, bagaimana cara untuk bertaubat dan membersihkan diri dari dosa. Adam dan Hawa merupakan contoh yang diteladani oleh semua umat manusia. Mereka terlupa akan perintah Tuhan, dan Syaitan telah menggoda melalui nafsu mereka. Setelah mereka mengingkari perintah Tuhan, mereka kembali kepadaNya dengan penyesalan, maka Dia mengampuni mereka. Dalam keingkaran manusia dan kembalinya mereka kepada Tuhan dengan bertaubat, sifat-sifat Ilahi yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang menjadi terserlah. Nabi yang terakhir (ﷺ) memberitahu para pengikutnya tentang kenyataan ini dengan bersabda, “*Sekiranya kamu tidak melakukan dosa dan bertaubat kepada Allah dengan meminta pengampunanNya, Dia akan mengganti kamu dengan umat lain yang akan berdosa dan meminta pengampunan Allah dan Dia akan mengampuni mereka.*”<sup>17</sup> Setiap 114 Surah dari Al-Qur'an, kecuali satu, dimulakan dengan doa, “Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.” Sifat Allah yang rahmah dan pengampun ditegaskan untuk mendorong manusia supaya tidak berputus asa. Tidak kira betapa besarnya dosa-dosa manusia, Tuhan boleh mengampunkan mereka jika mereka berpaling kepadaNya dengan taubat nasuha. Telah diriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, “*Ketika Allah menciptakan alam semesta, Dia membuat kewajipan bagi diriNya [dicatatkan] di dalam sebuah dokumen yang disimpanNya:*

<sup>16</sup> Diriwayatkan dari ‘Abbaas dan dikumpulkan oleh at-Tirmithi dan disahkan dalam *Saheeh Sunan at-Tirmithi*. jilid 2. ms 308-9. no 2043

<sup>17</sup> *Sahih Muslim*, jilid 4. ms 1435-6. no 6621, diriwayatkan oleh Aboo Ayyoob al-Ansaaree.

*RahmatKu melebihi kemurkaanKu.*<sup>18</sup> Juga diriwayatkan bahawa Baginda telah bersabda, “[Allah menciptakan] rahmat dengan seratus bahagian, salah satunya diturunkan ke atas jin, manusia dan makhluk yang lain. Dari satu bahagian inilah mereka saling mengasihi, saling membuat kebaikan dan bahkan haiwan melayani anak-anak mereka dengan kasih sayang. Allah telah menyimpan baki sembilan puluh sembilan bahagian untuk hamba-hamba sejatiNya pada Hari Kebangkitan.”<sup>19</sup>

Seandainya Allah inginkan, Dia boleh sahaja menciptakan manusia seperti malaikat yang tidak mampu melakukan dosa. Namun, itu bukan kehendakNya kerana Dia telahpun menciptakan malaikat. Manusia diciptakan supaya boleh melakukan kesalahan dan apabila mereka menyedari kesilapan mereka dan meminta pengampunan Tuhan, maka terserlah sifat rahmat dan pengampun Ilahi.

## Maha Adil

Dalam penghakiman umat manusia di saat akhirnya dunia ini, sifat-sifat Maha adil dan saksama Tuhan juga akan terserlah. Berdasarkan pengetahuanNya yang tiada batas, Tuhan boleh sahaja menciptakan semua manusia yang bakal tinggal di bumi supaya sebahagiannya terus ditempatkan di syurga dan bakinya di neraka. Sebelum menciptakan manusia, Allah sudahpun mengetahui pilihan yang akan mereka ambil dalam hidup ini, berapa banyak rezeki dan peluang yang akan Dia berikan, dan jika mereka akan mati dalam iman ataupun tidak. Ini menunjukkan bahawa ia boleh dikatakan sebahagian manusia diciptakan untuk syurga dan yang lain untuk neraka. ‘Aa’ishah, isteri Nabi Muhammad (ﷺ) meriwayatkan bahawa baginda bersabda, “Tidakkah kamu tahu bahawa Allah menciptakan syurga dan neraka, dan Dia menciptakan penghuni untuk kedua-duanya?”<sup>20</sup> Sekiranya Tuhan menempatkan ahli syurga ke dalam syurga, mereka tidak akan mempertanyakan keputusan Tuhan. Di syurga, mereka akan terima kehidupan bahagia yang abadi dengan senang hati dan bersyukur kerana mereka tidak ditempatkan di neraka. Namun, mereka yang terus ditempatkan di neraka akan bertanya mengapa. Mereka merasa tidak adil kerana tidak mengetahui apa yang akan mereka lakukan seandainya mereka tinggal di bumi. Ahli neraka akan berdebat secara berterusan bahawa jika mereka diberi kesempatan untuk menjalani kehidupan di bumi, mereka akan beriman dan beramal soleh. Oleh itu, Allah mengizinkan manusia menjalani kehidupan di bumi dan membuat semua pilihan mereka, sehingga setiap orang yang memasuki neraka akan mengetahui bahawa mereka sendirilah yang telah memilihnya. Mereka akan menyedari rahmat Tuhan dalam kehidupan mereka dan mengakui dosa-dosa mereka kerana telah menolak tanda-tanda dan petunjuk dariNya. Dan mereka akan menerima penghakimanNya sebagai adil dan tidak terkecuali. Namun, mereka akan masih meminta kesempatan lain untuk berbuat baik di dunia ini, seperti mana Allah berfirman dalam Surah *as-Sajdah* dari Al-Qur'an:

وَلَوْ تَرَى إِذ الْمُجْرِمُونَ فَأَكْسُوا رُءُوسِهِمْ عِنْدَ رَيْبِهِمْ رَبَّنَا أَبْصَرَنَا وَسَمِعَنَا فَأَرْجِعْنَا نَعْمَلْ صَلِحًا إِنَّا مُؤْفَنُونَ ﴿١٦﴾

“Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhan mereka (dalam keadaan malu dan hina, sambil merayu): “Wahai Tuhan kami, kami telah melihat dan mendengar dengan sejelas-jelasnya

<sup>18</sup> *Sahih Muslim*, jilid 4. ms 1437. no 6628, diriwayatkan oleh Aboo Hurayrah.

<sup>19</sup> Ibid. jilid 4. ms 1437, no 6631, diriwayatkan oleh Aboo Hurayrah.

<sup>20</sup> Ibid. jilid 4. ms 1400. no 6435.

(akan segala yang kami ingkari dahulu); maka kembalikanlah kami ke dunia supaya kami mengerjakan amal-amal yang baik; sesungguhnya kami sekarang telah yakin.”

Al-Qur'an, 32:12

Tetapi, jika Allah menghantarkan mereka kembali ke dunia ini setelah melupakan apa yang mereka telah lihat di neraka, mereka akan memilih kejahatan sekali lagi dan berakhir di neraka seperti sebelumnya. Tuhan menerangkan hal ini di dalam Surah *al-An'aam*:

وَلَوْ رُدُوا لَعَادُوا لِمَا هُوَ عَنْهُ وَإِنَّهُمْ لَكَذِبُونَ ﴿٦٨﴾

“Dan kalau mereka dikembalikan ke dunia sekalipun, tentulah mereka akan mengulangi lagi apa yang mereka dilarang dari melakukannya; dan sesungguhnya mereka adalah tetap pendusta.”

Al-Qur'an, 6:28

## Cinta Ilahi

Cinta Tuhan dapat dilihat dalam makhluk yang dicipta, sama ada yang beriman mahupun tidak, untuk menikmati hidup walaupun hanya untuk sedetik sahaja. Ia juga direalisasikan dalam penciptaan syurga bagi mereka yang memilih kebenaran daripada kejahatan. Allah berfirman dalam Al-Qur'an bahawa Dia mengasihi mereka yang berbuat baik (5:13), yang adil (5:42), yang bertaqwah (9:4), yang penyabar (3:146), yang bertawakkal kepadaNya (3:159), yang kerap bertaubat kepadaNya dan yang menyucikan diri mereka (2:222). Namun, Dialah yang telah menentukan bagi manusia melalui kitab-kitab suci dan para nabi, apa yang baik, adil dan alim. Oleh itu, mereka yang mengikuti para nabi sangat dikasihi oleh Tuhan. Dalam Surah *Aal 'Imraan*, Allah memerintahkan Nabi Muhammad (ﷺ) supaya mengatakan kepada orang-orang yang beriman:

إِنْ كُنْتُمْ تُجْبِونَ اللَّهَ فَأَنِيبُونِي يُحِبِّبُكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ

“Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu.”

Al-Qur'an, 3:31

Para nabi harus diikuti bukan sahaja dalam ibadah wajib yang diperintahkan Tuhan, malah dalam keinginan mereka untuk melakukan ibadah sunnah juga.

Kasih sayang Tuhan terserah dalam rahmat dan barakah yang Dia kurniakan kepada orang yang layak dan juga yang tidak layak mendapatkannya. Namun, ia lebih ternyata dalam kerelaanNya untuk mengampuni dosa sesiapapun yang berpaling kepadaNya dengan taubat nasuha. Dari penciptaan Adam dan Hawa, pengampunan mereka telah diterima untuk menghapuskan dosa-dosa mereka sebagai teladan kepada semua manusia yang akan mengikuti mereka ke dalam dunia ini. Tidak kira betapa banyak dosa manusia, pintu taubat akan sentiasa terbuka hingga hari terakhir dunia ini. Anas meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, “Allah Yang Maha Kuasa berfirman: Wahai anak Adam! Selama engkau berdoa kepadaKu

*dan berharap kepadaKu, nescaya Aku ampuni semua dosamu yang telah kamu lakukan dan Aku tidak keberatan. Wahai anak Adam! Jika dosamu setinggi langit kemudian engkau meminta ampunan kepadaKu, nescaya Aku ampuni. Wahai anak Adam! Jika engkau datang kepadaku dengan membawa kesalahan sepenuh bumi kemudian engkau bertemu denganKu dalam keadaan tidak menyekutukanKu sedikit pun, nescaya Aku datang kepadamu dengan ampunan sepenuh bumi pula.”<sup>21</sup>*

## Rahmat Ilahi

Bagi yang berada di syurga, mereka tidak akan memasukinya hanya kerana amalan mereka. Rahmat Tuhanlah yang akhirnya akan membawa mereka ke sana. Nabi Muhammad (ﷺ) bersabda tentang hal ini, “*Cubalah sedaya upaya untuk melakukan perkara yang benar, dan berbahagialah. Tiada sesiapa yang akan memasuki syurga hanya kerana amalannya.*” Sahabat bertanya, “*Wahai Rasulullah! Tidak juga kamu?*” Baginda menjawab, “*Tidak juga aku, namun Allah telah menyelamatku dalam rahmat dan kemuliaanNya.*<sup>22</sup> *Dan ingatlah bahawa amalan yang paling disukai Allah adalah yang dilakukan secara bistiqamah, walaupun ia kecil.*”<sup>23</sup> Tetapi, rahmat Tuhan tidak boleh diperolehi sewenang-wenangnya. Ia berdasarkan kepada iman yang benar dan amalan yang soleh. Dalam Surah Al An’ām, Allah berfirman:

﴿مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ﴾

“Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun).”

Al-Qur'an, 6:160

Seandainya Tuhan bertegas supaya manusia dipertanggungjawabkan atas segala perbuatan mereka, tiada sesiapapun akan memperoleh amalan baik yang melebihi perbuatan jahatnya. Namun, Tuhan telah mencerahkan rahmatNya dengan melipatgandakan nilai amalan baik dan menghadkan nilai perbuatan jahat. Dengan rahmat Tuhan, orang yang benar-benar beriman akan memasuki Syurga. Ini tidak bermakna amalan tidak memainkan peranan. Amalan mempunyai peranan utama, namun ia bukanlah faktor penentuan. Rahmat Tuhan meliputi kesemuanya.

Akibatnya, penciptaan manusia, kesalahan yang mereka lakukan dan kebaikan yang mereka kerjakan, kesemuanya adalah untuk memperlihatkan sifat-sifat rahmat dan pengampunan Tuhan, sifat keadilanNya dan kurniaNya.

Manusia tidak harus mempersoalkan mengapa Tuhan memilih untuk menunjukkan sifat-sifatNya dengan cara sedemikian. Mereka hanya boleh membuat andaian bahawa inilah

<sup>21</sup> Dikumpulkan oleh at-Tirmithi dan disahkan dalam Saheeh Sunan at-Tirmithi, jilid 3, ms 175-6, no 2805

<sup>22</sup> Sahih Muslim, jilid 4, ms 1473. no 6765. dilaporkan oleh Aboo Hurayrah.

<sup>23</sup> Sahih Muslim, jilid 4, ms 1473-4. no 6770. dilaporkan oleh ‘Aa’ishah.

cara yang terbaik, sebab Allah menyifatkan diriNya sebagai yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui. Manusia hanya dapat memahami apa yang Allah nyatakan kepada mereka.

وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَأْتَهُ

“Mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya).”

Al-Qur'an 2:255

Oleh itu, mereka tidak sepatutnya menyamakan diri mereka dengan Tuhan. Sekiranya Tuhan memberitahu manusia mengapa Dia memutuskan untuk melakukan sesuatu, manusia tidak seharusnya mempersoalkan mengapa Tuhan membuat keputusan itu. Soalan seperti ini tiada kesudahannya dan terkeluar dari batas pemikiran manusia. Merekalah yang akan disoal pada hari kiamat mengenai tindakan dan niat mereka, bukan Tuhan. Dalam Surah *al-Anbiyyaa*, Allah membahas perkara ini:

لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ ٢٣

“Dia tidak boleh disoal tentang apa yang Dia lakukan, sementara mereka yang akan disoal kelak.”

Al-Qur'an, 21:23

Dalam hal ini, dilaporkan oleh Ibn ‘Abbaas bahawa Nabi Muhammad (ﷺ) telah bersabda, “*Renungkanlah ciptaan Allah tetapi janganlah merenung tentang Allah.*”<sup>24</sup> Merenungkan tentang kenyataan Allah adalah seperti merenungkan sesuatu yang tiada hadnya. Dan, ketika akal bingung merenungkan batasan alam semesta yang terhad serta galaksi dan bintang-bintang di dalamnya, ia akan menjadi lebih bingung jika ia cuba untuk memahami sesuatu yang tidak dicipta. Nabi Muhammad (ﷺ) telah memberi amaran bahawa tentera syaitan akan berusaha untuk bisikkan keraguan di dalam hati orang-orang yang beriman dengan menimbulkan pertanyaan yang mustahil mengenai Tuhan. Aboo Hurayrah meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, “*Syaitan akan datang kepada kamu semua dan bertanya: Siapa yang menciptakan ini dan itu? - hingga dia bertanya: Siapakah yang menciptakan Tuhanmu? Ketika dia sampai ke soalan itu, seseorang harus berlindung kepada Allah [katakan: aku beriman kepada Allah dan RasulNya]*<sup>25</sup> *dan menghindari [pemikiran seperti itu].*”<sup>26</sup>

### Mengapa Tuhan Menciptakan Manusia?

Dari pandangan manusia, soalan “Mengapa Tuhan menciptakan manusia?” bermaksud “Tujuan apakah manusia diciptakan?” Dalam Al-Qur'an, soalan ini dijawab tanpa sebarang

<sup>24</sup> Dikumpulkan oleh Aboo Nu'aym dalam al-Hilyah dan disahkan oleh al-Albaanee dalam Silsilah al-Ahaadeeth as-Saheehah. jilid 4, ms 12, no 1788. Ada juga riwayat yang serupa dari 1bn 'Umar yang dikumpulkan oleh at-Tabaraanee di al-Awsat dan al-Bayhayee di Shu'ab al-Eemaan.

<sup>25</sup> Sahih Muslim, jilid 1, ms 77. nos. 242 & 243.

<sup>26</sup> Ibid., jilid 1, ms 77. no 244 dan Sahih Al-Bukhari jilid 4, ms 320. no 496.

kekaburam. Pada mulanya, Tuhan telah memberitahu manusia bahawa setiap orang dilahirkan dengan kesedaran tentang adanya Tuhan. Dalam Surah *al-A'raf*, Allah berfirman:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ وَأَشَهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَّا تُرَبِّكُمْ قَالُوا  
بَلَىٰ شَهِدْنَا أَنَّا قَوْلُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ١٧٣  
أَوْ نَقُولُ إِنَّا أَشْرَكَاهُ أَبَاؤُنَا مِنْ قَبْلٍ وَكُنَّا ذُرِّيَّةً مِنْ بَعْدِهِمْ أَفَهُلُكُنَا بِمَا فَعَلَ الْمُبْطَلُونَ

“Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): “Bukankah Aku tuhan kamu?” Mereka semua menjawab: “Benar (Engkau lah Tuhan kami), kami menjadi saksi.” Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: “Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini.” Atau supaya kamu tidak mengatakan: “Sesungguhnya ibu bapa kamilah yang melakukan syirik dahulu sedang kami ialah keturunan (mereka) yang datang kemudian daripada mereka. Oleh itu, patutkah Engkau (wahai Tuhan kami) hendak membinasakan kami disebabkan perbuatan orang-orang yang sesat itu?”

Al-Qur'an, 7:172-3

Nabi Muhammad (ﷺ) menjelaskan bahawa ketika Allah menciptakan Adam, Dia telah mengambil daripadanya perjanjian di suatu tempat yang bernama Na'maan pada hari ke sembilan<sup>27</sup> dari bulan ke 12. Dia kemudian mengeluarkan dari Adam semua keturunannya yang bakal dilahirkan hingga ke hari penghabisan dunia, generasi demi generasi, dan menyebarkan mereka di hadapanNya untuk mengambil perjanjian dari mereka juga. Dia berbicara dengan mereka, secara bertentangan muka, supaya mereka bersaksi bahawa Dia adalah Tuhan mereka.<sup>28</sup> Oleh itu, setiap manusia bertanggungjawab atas kepercayaan mereka terhadap Tuhan, yang telah diterapkan pada setiap ruh. Berdasarkan kepada kepercayaan ini, Allah telah menetapkan tujuan penciptaan manusia dalam Surah *ath-Thaariyat*:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin<sup>29</sup> dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”

Al-Qur'an, 51:56

Dengan ini, tujuan utama bagi penciptaan manusia adalah supaya mereka bersembah kepada Tuhan. Tetapi, Yang Maha kuasa tidak memerlukan penyembahan manusia. Dia tidak mencipta manusia untuk melengkapi keperluan bagi diriNya. Sekiranya tidak ada seorang pun yang menyembah Tuhan, ia tidak akan sama sekali mengurangkan kemuliaanNya, dan jika semua manusia menyembahNya, ia tidak akan sama sekali meningkatkan kemuliaanNya.

<sup>27</sup> Dikenali sebagai hari ‘Arafaat.

<sup>28</sup> Dikumpulkan oleh Ahmad dan disahkan dalam Silsilah al-Ahaadeeth as-Saheehah, jilid 4, ms 158, no 1623.

<sup>29</sup> Jin adalah golongan makhluk rasional yang tidak dapat dilihat dan diciptakan oleh Tuhan dari unsur api. Mereka dikurniakan oleh Tuhan dengan kehendak, seperti manusia. Akibatnya, sebahagian dari mereka beriman soleh dan yang lain adalah kafir yang jahat. Kejahatan di antara mereka biasa disebut iblis, roh jahat, syaitan dan lain-lain.

Tuhan adalah sempurna. Dia wujud dengan sendiriNya tanpa sebarang keperluan. Semua makhluk yang dicipta mempunyai keperluan. Oleh itu, manusialah yang perlu menyembah Tuhan.

## Makna Ibadah

Untuk memahami mengapa manusia perlu menyembah Tuhan, seseorang mestilah terlebih dahulu memahami apa yang dimaksudkan dengan istilah ‘ibadah.’ Istilah ‘ibadah’ dalam bahasa Inggeris berasal dari perkataan Inggeris Lama *weorthscipe* yang bermaksud ‘kehormatan.’ Oleh itu, penyembahan dalam bahasa Inggeris ditakrifkan sebagai ‘persebaran amalan pengabdian untuk menghormati seorang dewa.’<sup>30</sup> Menurut makna ini, manusia diperintahkan untuk menunjukkan rasa syukur kepada Tuhan dengan memuliakanNya. Dalam Surah *an-Nasr* dari Al-Qu’ran, Allah berfirman:

فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ

“Maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu.”

Al-Qur'an, 110:3

Dengan memuliakan Tuhan, manusia memilih untuk menyesuaikan diri dengan ciptaan-ciptaan lain yang memuliakan Penciptanya secara semulajadi. Allah menjelaskan fenomena ini dalam berbagai surah di Al-Qur'an. Sebagai contoh, dalam Surah *al-Israa*, Allah menyatakan:

تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَاوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنَّ لَا نَفَقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ

“Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya, sentiasa mengucap tasbih bagi Allah; dan tiada sesuatu pun melainkan bertasbih dengan memujiNya<sup>31</sup>; akan tetapi kamu tidak faham akan tasbih mereka.”

Al-Qur'an, 17:44

Namun, dalam bahasa Arab, bahasa Al-Qur'an, ibadah disebut ‘ibaadah, dan berkaitan dengan kata nama ‘abd yang bermaksud ‘hamba.’ Seorang hamba adalah orang yang diharapkan melakukan apa sahaja kehendak tuannya. Oleh itu, ibadah menurut Al-Qur'an bermakna ‘tunduk berserah pada kehendak Tuhan.’ Inilah intipati dari pesanan kesemua para nabi yang diutus oleh Tuhan kepada umat manusia. Sebagai contoh, pemahaman tentang ibadah ini dinyatakan dengan tegas oleh Nabi Isa dalam Injil menurut Matius, 7:21, “Tidak seorang pun dari mereka yang memanggil saya ‘Tuhan’ akan memasuki kerajaan Tuhan, tetapi hanyalah orang yang melakukan kehendak Bapaku di syurga.” Harus diingatkan bahawa ‘kehendak’ dalam petikan ini bermaksud ‘apa yang Tuhan mahukan manusia lakukan’ dan bukanlah ‘apa yang Tuhan izinkan manusia lakukan’, kerana tidak ada yang terjadi dalam penciptaan tanpa kehendak (izin) Tuhan. ‘Kehendak Tuhan’ terkandung dalam hukum-hakam

<sup>30</sup> Kamus Ensiklopedik The Living Webster, ms 1148

<sup>31</sup> Guruh digambarkan sebagai memuliakan Tuhan di 13:13, siang dan malam di 21:20 dan gunung ganang di 38:18.

yang diwahyukan dan diajarkan oleh para nabi kepada pengikut-pengikut mereka. Oleh itu, kepatuhan kepada hukum-hakam Ilahi adalah asas penyembahan. Dalam pengertian ini, memuliakan Tuhan juga menjadi suatu ibadah apabila manusia memilih untuk mematuhi arahan Tuhan tentang kemuliaanNya.

## Perlunya untuk Beribadah

Mengapakah manusia perlu menyembah dan memuliakan Tuhan dengan mematuhi hukum-hakam yang diwahyukan? Mematuhi hukum-hakam Ilahi adalah kunci kejayaan dalam kehidupan ini dan selepasnya. Manusia pertama, Adam dan Hawa, telah diciptakan di syurga dan kemudian diusir darinya kerana telah melanggar hukum-hakam Ilahi. Satu-satunya cara bagi manusia untuk kembali ke syurga adalah dengan ketaatan terhadap hukum-hakam. Nabi Isa, Al-Masih, sebagaimana yang dilaporkan oleh Matius dalam Injil, telah menjadikan kepatuhan kepada hukum-hakam Ilahi sebagai kunci syurga: *Sekarang lihatlah, seseorang datang dan berkata kepadanya. "Guru yang baik, apakah perkara baik yang harus saya lakukan agar saya dapat hidup kekal?" Dia menjawabnya, "Mengapa engkau memanggilku baik? Tidak ada yang baik melainkan Satu, iaitu Tuhan. Tetapi jika kamu ingin memasuki ke dalam kehidupan, patuhilah perintah-perintah itu."*<sup>32</sup> Juga dalam Matius 5:19, Nabi Isa dilaporkan telah berkeras agar teguh dalam mematuhi perintah-perintah itu, dan mengatakan, *"Sesiapa yang melanggar salah satu perintah, sekalipun yang paling kecil, dan mengajar orang lain berbuat demikian, dia akan disebut yang paling kecil di dalam syurga; tetapi barangsiapa yang mematuhi dan mengajarkannya, dia akan disebut hebat di dalam syurga."*

Hukum-hakam Ilahi merupakan panduan bagi umat manusia dalam semua hal kehidupan. Mereka menentukan yang betul dan salah untuk manusia dan menawarkan mereka sistem yang lengkap untuk mengaturkan kesemua urusan mereka. Si Pencipta sahaja yang lebih mengetahui apa yang bermanfaat bagi ciptaanNya dan apa yang tidak. Hukum-hakam Ilahi memerintah dan melarang pelbagai perbuatan dan bahan untuk melindungi ruh, tubuh dan umat manusia dari bahaya. Untuk mencapai potensi mereka dengan menjalani kehidupan yang soleh, manusia perlu menyembah Tuhan dengan mentaati perintah-perintahNya.

## Mengingati Tuhan

Kesemua ibadah yang pelbagai dalam hukum-hakam Ilahi telah direka supaya dapat membantu manusia mengingati Tuhan. Sudah menjadi lumrah bagi manusia untuk kadangkala terlupa walaupun perkara yang amat penting. Manusia sering asyik dalam memenuhi keperluan material hingga mereka terlupa sama sekali akan keperluan rohani mereka. Solat telah diperintahkan agar dapat mengatur amalan harian manusia supaya orang yang beriman sentiasa mengingati Tuhan. Ia menggabungkan keperluan rohani dengan keperluan material dalam urusan sehari-hari. Keperluan harian yang biasa seperti makan, bekerja dan tidur berkaitan dengan keperluan manusia untuk memperbaharui hubungannya dengan Tuhan pada setiap hari. Allah telah menyatakan tentang solat dalam Al-Qur'an, Surah Taahaa:

إِنَّمَا أَنَاَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي

<sup>32</sup> Matius 19:16-17 (RSV).

“Sesungguhnya Akulah Allah; tiada tuhan melainkan Aku; oleh itu, sembahlah akan Daku, dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati Daku.”

Al-Qur'an, 20:14

Mengenai puasa, Allah telah menyatakan dalam Surah *al-Baqarah*:



يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُنْبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُنْبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.”

Al-Qur'an, 2:183

Orang-orang beriman digalakkan untuk mengingati Tuhan sebanyak mungkin. Walaupun kesederhanaan dalam semua cabang kehidupan, sama ada material atau rohani, digalakkan secara umumnya dalam hukum-hakam Ilahi, pengecualian telah diadakan mengenai peringatan terhadap Allah. Ia adalah hampir mustahil untuk mengingati Tuhan terlalu banyak. Dalam Al-Qur'an, Surah *al-Ahzaab*, Allah mendorong orang-orang beriman supaya mengingati Tuhan sebanyak mungkin:



يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا

“Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya.”

Al-Qur'an, 33:41

Mengingati Tuhan sangat ditekankan kerana pada umumnya, dosa dilakukan apabila Tuhan dilupakan. Kekuatan jahat paling bebas bertindak apabila kesedaran akan Tuhan hilang. Akibatnya, tentera syaitan berusaha untuk menguasai minda manusia dengan pemikiran dan keinginan yang tidak relevan supaya mereka melupakan Tuhan. Apabila Tuhan dilupakan, manusia akan mengikuti anasir-anasir jahat dengan rela hati. Al-Qur'an telah membahaskan fenomena ini dalam Surah *al-Mujaadalah* sebagai berikut:



أَسْتَحْوِدُ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَنَ فَانْسَهُمْ ذِكْرُ اللَّهِ أُولَئِكَ حِزْبُ الشَّيْطَنِ هُمُ الظَّالِمُونَ

“Syaitan telah menguasai dan mempengaruhi mereka, sehingga menyebabkan mereka lupa mengingati (ajaran dan amaran) Allah; mereka itulah puak Syaitan. Ketahuilah! Bahawa puak Syaitan itu sebenarnya orang-orang yang rugi.”

Al-Qur'an, 58:19

Melalui hukum-hakam Ilahi, Tuhan telah mlarang bahan-bahan memabukkan dan berjudi kerana sebab utamanya ialah perbuatan ini menyebabkan manusia lupakan Tuhan. Akal dan badan manusia dengan senangnya menjadi ketagih kepada dadah dan mengundi nasib. Apabila sudah ketagih, keinginan manusia untuk sentiasa dirangsang oleh perkara-perkara tersebut mendorong mereka kepada semua bentuk kerosakan dan keganasan antara sesama sendiri. Tuhan telah berfirman dalam Al-Qur'an di Surah *al-Maa'idah*:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقَعَ بِيَنْكُمُ الْعَدُوَّ وَالْبَغْضَاءُ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيُصَدِّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ  
وَعَنِ الْأَصْلَوَةِ فَهُلْ أَنْتُمْ مُمْهُونُ ۖ

“Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud muh menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan muh memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?”

Al-Qur'an, 5:91

Akibatnya, umat manusia perlu mengingati Tuhan untuk keselamatan dan peningkatan diri. Semua manusia mengalami masa-masa kelemahan di mana mereka melakukan dosa. Sekiranya mereka tidak mempunyai cara untuk mengingati Tuhan, mereka akan semakin tenggelam dalam kejahatan dengan setiap dosa. Namun, siapa yang mengikuti hukum-hakam Ilahi akan senantiasa mengingati Tuhan, dan ini akan memberikan mereka peluang untuk bertaubat dan memperbetulkan diri. Al-Qur'an dengan tepat telah menerangkan proses ini dalam Surah *Aal 'Imraan*:

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَنِحْشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفِرُوا لِذُنُوبِهِمْ

“Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka.”

Al-Qur'an, 3:135

## Agama Islam

Sistem peribadatan paling lengkap yang ada bagi umat manusia buat masa kini adalah sistem yang terdapat dalam agama Islam. Nama Islam itu sendiri bermaksud ‘berserah pada kehendak Tuhan.’ Walaupun kebiasaannya ia dirujuk sebagai ‘ketiga dari tiga agama samawi,’ ia bukanlah sama sekali agama yang baru. Ia merupakan agama yang dibawa oleh semua para nabi untuk umat manusia. Islam adalah agama Adam, Ibrahim, Musa dan Isa. Tuhan telah membicarakan isu ini dalam Al-Qur'an mengenai Nabi Ibrahim dengan firmanNya:

۶۷ مَا كَانَ إِبْرَاهِيمُ يَهُودِيًّا وَلَا نَصَارَائِيًّا وَلَكِنْ كَانَ حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

“Bukanlah Nabi Ibrahim itu seorang pemeluk ugama Yahudi, dan bukanlah ia seorang pemeluk ugama Kristian, tetapi ia seorang yang tetap di atas dasar Tauhid sebagai seorang Muslim (yang taat dan berserah bulat-bulat kepada Allah), dan ia pula bukanlah dari orang-orang musyrik.”

Al-Qur'an, 3:67

Oleh kerana hanya ada Satu Tuhan, dan umat manusia adalah satu jenis, agama yang telah ditetapkan oleh Tuhan untuk manusia adalah satu. Dia tidak menetapkan satu agama untuk orang Yahudi, satu untuk orang India, satu lagi untuk orang Eropah, dll. Keperluan rohani dan sosial manusia adalah seragam, dan sifat manusia tidak berubah sejak lelaki dan

wanita pertama diciptakan. Akibatnya, tidak ada agama lain yang diterima Tuhan selain dari Islam, sebagaimana Dia jelaskan dalam Surah *Aal 'Imraan* dalam Al-Qur'an:

إِنَّ الَّذِينَ عَنْ دِينِهِ أَلِلَّهِ أَلِإِسْلَامُ

“Sesungguhnya ugama (yang benar dan direndai) di sisi Allah ialah Islam.”

Al-Qur'an, 3:19

٨٥ وَمَنْ يَتَّبِعَ غَيْرَ الْإِسْلَامِ فَأَنَّ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ

“Dan sesiapa yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.”

Al-Qur'an, 3:85

## Setiap Perbuatan Adalah Ibadah

Dalam sistem keislaman, setiap satu perbuatan manusia boleh berubah menjadi suatu ibadah. Bahkan, Tuhan memerintah orang-orang beriman supaya mengabdikan seluruh hidup mereka kepadaNya. Dalam Surah *al-An'aam*, Allah berfirman:

١٦٢ قُلْ إِنَّ صَلَاةً وَنُسُكًا وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِقَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

“Katakanlah: “Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.”

Al-Qur'an, 6:162

Namun, supaya pengabdian itu diterima Allah, setiap perbuatan mesti memenuhi dua syarat asas:

1 Syarat pertama, perbuatan itu harus dilakukan dengan ikhlas untuk mendapatkan keredhaan Tuhan dan bukan untuk pengiktirafan dan pujian manusia. Orang yang beriman harus juga mengingati Tuhan semasa beramal untuk memastikan bahawa perkara itu bukanlah sesuatu yang dilarang oleh Allah atau Rasulullah (ﷺ).

Untuk mempermudahkan penukaran perbuatan biasa untuk menjadi ibadah, Allah memerintahkan Rasulullah (ﷺ) supaya menyuruh pembacaan doa-doа ringkas sebelum memulakan sesuatu amalan, walaupun bagi perkara yang paling mudah. Doa terpendek yang boleh dibaca untuk segala keadaan ialah: بِسْمِ اللَّهِ *bismillaah* (Dengan nama Allah). Namun, ada banyak doa-doа lain yang telah ditentukan untuk keadaan yang khusus. Sebagai contoh, setiap kali memakai pakaian baru, Rasulullah (ﷺ) mengajar umatnya supaya berdoa:

اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ كَسَوْتَنِيهِ أَسْأَلُكَ مِنْ حَيْرِهِ وَحَيْرِ مَا صُنِعَ لَهُ  
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهِ وَشَرِّ مَا صُنِعَ لَهُ

“Ya Allah, hanya milik Mu segala pujian. Engkaulah yang memberi pakaian ini kepadaku. Aku mohon kepada Mu agar memperoleh kebaikan dari pakaian ini dan kebaikan yang ia diciptakan kerananya. Aku berlindung kepada Mu dari kejahatannya dan kejahatan yang diciptakan kerananya.”<sup>33</sup>

2 Syarat kedua, perbuatan itu harus dilakukan mengikut cara Rasulullah (ﷺ), yakni *Sunnah* dalam bahasa Arab. Kesemua para nabi mengarahkan pengikut mereka supaya mencontohi cara mereka sebab mereka telah dibimbang Tuhan. Apa yang mereka ajarkan adalah kebenaran yang diwahyukan, dan hanya orang yang mengikuti jalan mereka dan menerima kebenaran akan mewarisi kehidupan kekal di syurga. Dalam konteks inilah yang dilaporkan dalam Injil, menurut Yohanes 14:6, Nabi Isa, selawat dan salam ke atasnya, telah berkata, “Akulah jalan, kebenaran dan hidup. Tiada seorang pun datang kepada Bapa kecuali melaluiKu.” Demikian pula, ‘Abdullaah ibn Ma’ood meriwayatkan bahawa suatu hari Nabi Muhammad (ﷺ) melukis garisan di tanah untuk mereka dan bersabda, “*Ini adalah jalan Allah.*” Kemudian Baginda melukis beberapa garis [bercabang] ke kanan dan ke kiri dan bersabda, “*Inilah jalan-jalan [kesesatan] yang ada pada setiap satu ada syaitan yang mengajak kepada jalan itu.*” Kemudian Baginda membacakan ayat: **“Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (ugama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.”**<sup>34,35</sup>

Oleh itu, satu-satunya cara yang dibenarkan untuk menyembah Tuhan adalah dengan mengikuti cara para nabi. Perbuatan mengadakan perkara baru dalam urusan agama digolongkan Tuhan antara kejahatan yang paling buruk. Nabi Muhammad (ﷺ) diriwayatkan telah bersabda, “*Seburuk-buruk perkara adalah perkara yang diada-adakan dalam agama (bid’ah) dan setiap bid’ah adalah kesesatan dan tempatnya di neraka.*”<sup>36</sup>

Bid’ah dilarang dan ditolak oleh Tuhan. ‘Aa’isyah, isteri Nabi Muhammad (ﷺ) meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) telah bersabda, “*Sesiapa yang mencipta (mengadakan) sesuatu perkara baharu dalam urusan (agama) kami ini, yang bukan daripadanya, maka ia ditolak.*”<sup>37</sup>

Pada dasarnya, amalan bid’ahlah yang menyebabkan pesanan para nabi terdahulu diputarbelitkan dan banyak agama palsu yang wujud sekarang telah berkembang. Hukum asal ibadah yang harus diikuti untuk mengelakkan bid’ah ialah semua bentuk ibadah dilarang, kecuali yang telah diperintahkan oleh Tuhan secara khusus dan disampaikan kepada manusia dari utusan-utusan Tuhan yang sebenar.

<sup>33</sup> Sunan Abu Dawud, jilid 3, ms 1125. no 4009 dan disahkan dalam Saheeh Sunan Abee Daawood, jilid 2, ms 760 no 339

<sup>34</sup> Soorah al-An'aam (6:153).

<sup>35</sup> Dikumpulkan oleh Ahmad, an-Nasaa'ee dan ad-Daarimee, dan disahkan oleh Ahmad Shaakir dalam al-Musnad, jilid 6, ms 89-90 no 4142

<sup>36</sup> Sahih Muslim, jilid 2, ms 410, no 1885.

<sup>37</sup> Sahih Al-Bukhari, jilid 3, ms 535-6 no 861 dan Sahih Muslim, jilid 3, ms 931 no 4266

## Makhluk Terhebat

Mereka yang beriman kepada Tuhan Satu yang Teristimewa, tanpa sekutu atau zuriat, dan beramal soleh [mengikut prinsip yang telah disebutkan] akan menjadi mahkota segala makhluk. Iaitu, walaupun manusia bukanlah ciptaan Allah yang teragung, mereka mempunyai potensi untuk menjadi makhluk yang terhebat. Di dalam Surah *al-Bayyinah*, Allah menyatakan hakikat ini seperti yang berikut:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَئِكَ هُمُ الْأَنْجَىٰ

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka itulah sebaik-baik makhluk.”

Al-Qur'an, 98:7

## Dosa Terbesar

Bertentangan dengan tujuan di sebalik penciptaan manusia adalah dosa terbesar yang manusia boleh melakukan. ‘Abdullah meriwayatkan bahawa dia bertanya kepada Rasulullah (ﷺ) mengenai dosa manakah yang terbesar di sisi Allah, lalu Rasulullah (ﷺ) menjawab: “*Untuk menyekutukan Allah, walaupun Dia telah menciptai kamu.*”<sup>38</sup> Menyembah selain dari Tuhan dinamakan *syirik* dalam bahasa Arab. Ia merupakan satu-satunya dosa yang tidak akan diampunkan. Jika seseorang meninggal dunia tanpa bertaubat ke atas dosa-dosanya, Allah mungkin mengampunkan segala dosanya kecuali *syirik*. Dalam hal ini, Tuhan berfirman di dalam Surah *An-Nisaa'*:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَن يَشَاءُ وَمَن يُشْرِكَ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَ إِثْمًا

عظيماً

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekuatunya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekuatunya Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.”

Al-Qur'an, 4:48

Menyembah apa jua selain Tuhan secara asasnya melibatkan pemberian sifat-sifat si Pencipta kepada ciptaanNya. Setiap mazhab ataupun agama melakukannya mengikut cara mereka tersendiri. Sepanjang zaman, ada sekumpulan kecil yang lantang menafikan kewujudan Tuhan.<sup>39</sup> Untuk menguatkan penafian mereka terhadap adanya Pencipta, mereka terpaksa

<sup>38</sup> Sahih Muslim, jilid 1, ms 50-1, no 156.

<sup>39</sup> *Buddhisme Hinayana* (400-250 SM) yang lebih awal dan lebih tegas antara dua tafsiran Buddha yang timbul setelah kematian Gautama Buddha, telah menyatakan dengan jelas bahawa Tuhan itu tidak wujud. Jainisme yang telah dibuat sistematik oleh Vardhamana juga menegaskan bahawa Tuhan tidak ada, melainkan jiwa-jiwa yang dibebaskan untuk mencapai keabadian dan ilmu pengetahuan, menurut ajaran mereka. Pada abad ke-19 dan ke-20, sejumlah ahli falsafah Eropah menyatakan yang kemudian dikenali sebagai “falsafah tentang kematian Tuhan.” Ahli falsafah Jerman, Philipp Mainlander (1841-1876), Prusia, Friedrich Nietzsche (1844-1900),

membuat dakwaan yang tidak munasabah, iaitu dunia ini tidak ada permulaan. Dakwaan mereka tidak munasabah kerana setiap bahagian yang dapat disaksikan di bumi ini mempunyai permulaannya. Justeru, adalah wajar untuk dijangkakan bahawa kesemua bahagiannya juga mempunyai permulaan. Mengikut logik, boleh juga diandaikan bahawa apa yang menyebabkan kewujudan dunia ini sememangnya bukanlah sebahagian darinya dan tidak wajar mempunyai permulaan sepertinya. Tuntutan golongan ateis bahawa dunia ini tidak ada permulaan bermakna setiap bahagian dari alam semesta ini kekal abadi. Kenyataan sebegini adalah *syirik* kerana sifat Tuhan yang tanpa permulaan telah diberikan kepada ciptaanNya. Golongan ateis yang sebenar mengikut sejarah selalunya hanya segelintir sahaja kerana, meskipun mereka mendakwa sebaliknya, mengikut naluri, mereka mengetahui bahawa Tuhan itu wujud. Begitu juga, walaupun setelah beberapa abad diindoktrinasi oleh komunis, ramai masyarakat Rusia dan Cina tetap percaya kepada Tuhan. Pencipta yang Maha Esa menunjukkan fenomena ini di dalam Surah *An-Naml*, dengan firmanNya:



وَجَحَدُوا بِهَا وَأَسْتَيْقَنْتُهَا أَنفُسُهُمْ ظُلْمًا وَعُلُوًّا فَانْظُرْ كَيْفَ كَانَ عَنْقِبَةُ الْمُفْسِدِينَ

“Dan mereka mengingkarinya secara zalim dan sompong angkuh sedang hati mereka meyakini kebenarannya. Oleh itu, lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan.”

Al-Qur'an, 27:14

Bagi orang-orang ateis dan materialistik, kehidupan ini tidak mempunyai tujuan selain dari memenuhi setiap keinginan mereka. Oleh itu, keinginan mereka pula menjadi tuhan yang ditaati dan ditunduk selain dari Tuhan Sebenarnya yang Satu. Dalam Surah *al-Furqaan* dari Al-Qur'an, Allah berfirman:

أَرَءَيْتَ مَنْ أَتَخَذَ إِلَاهَهُ هُوَنَهُ

“Nampakkah (wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya: tuhan yang dipuja lagi ditaati?”

Al-Qur'an, 25:43

Golongan Nasrani telah berikan Nabi Isa sifat-sifat Pencipta pada mulanya dengan menyatakannya kekal abadi bersama Tuhan,<sup>40</sup> kemudian memberinya personaliti Ketuhanan dengan gelaran ‘Anak Tuhan.’ Sebaliknya, golongan Hindu percaya bahawa Tuhan telah menyerupai manusia pada masa dahulu, melalui penjelmaan yang dinamakan *avatars*, kemudian dibahagikan sifat-sifat Ketuhanan antara tiga tuhan, *Brahma* si pencipta, *Vishnu* yang memelihara dan *Shiva* yang memusnahkan.

Perancis, Jean Paul Sartre (1905-1980), kesemuanya berpendapat tidak adanya Tuhan. (Kamus Falsafah dan Agama, ms 72, 262-3, 327 dan 508-9).

<sup>40</sup> Yohanes 1:1&14 1 “Pada awalnya adalah Kalimah, dan Kalimah itu bersama Tuhan, dan Kalimah itu adalah Tuhan...<sup>14</sup> Dan Kalimah itu menjadi manusia dan tinggal bersama kami, penuh dengan anugerah dan kebenaran;” (RSV).

## Mencintai Tuhan

*Syirik* juga berlaku apabila manusia cinta, percaya ataupun takut kepada makhluk lebih dari Allah. Dalam Surah *al-Baqarah* dari Al-Qur'an, Tuhan berfirman:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْدَادًا يُحِبُّهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا أَشَدُ حُبًا لِّلَّهِ

“(Walaupun demikian), ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya, (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang-orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah.”

Al-Qur'an, 2:165

Apabila perasaan seperti ini dan yang serupa dengannya diarahkan kepada makhluk dengan lebih kuat, ia menyebabkan manusia mengingkari Tuhan dalam usaha mereka untuk menyenangkan manusia lain. Hanya Allah sahaja yang berhak mendapat komitmen emosi manusia sepenuhnya kerana hanya Dia sahaja yang harus dicintai dan ditakuti melebihi segala makhluk. Anas ibn Malik meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, “*Sesiapa yang mempunyai tiga sifat [berikut] telah merasai manisnya iman, dia yang mencintai Allah dan RasulNya melebihi segala-galanya, dia yang mencintai manusia lain hanya kerana Allah, dan dia yang benci untuk kembali kepada kekufturan setelah Allah menyelamatkannya seperti mana dia benci untuk dilontar ke dalam api.*”<sup>41</sup>

Semua alasan manusia untuk saling cinta mencintai antara satu sama lain ataupun terhadap makhluk lain menjadi sebab untuk mencintai Tuhan lebih dari makhlukNya. Manusia sayangkan kehidupan dan kejayaan, dan tidak suka kematian dan kegagalan. Memandangkan Allah adalah sumber utama kehidupan dan kejayaan, Dia berhak ke atas cinta dan pengabdian sepenuhnya dari manusia. Manusia juga mencintai orang yang berguna kepada mereka dan menolong mereka apabila mereka memerlukan. Oleh kerana setiap manfaat (7:188) dan pertolongan (3:126) datang dari Tuhan, Dia harus dicintai melebihi segala-galanya.

وَإِنْ تَعْدُوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا

“Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpakkannya kepada kamu), tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu.”

Al-Qur'an, 16:18

Walaupun begitu, perasaan cinta sepenuhnya yang harus dirasai setiap manusia terhadap Tuhan tidak sepatutnya direndahkan ke tahap cinta biasa terhadap makhluk lain. Sebagaimana perasaan cinta manusia terhadap haiwan tidak sepatutnya setahap dengan perasaan cinta terhadap manusia lain,<sup>42</sup> cinta terhadap Allah harus melebihi cinta sesama manusia. Cinta manusia kepada Tuhan seharusnya, pada dasarnya, dibuktikan dengan ketaatan seluruhnya kepada perintah Tuhan, seperti yang dinyatakan di Surah *Aal 'Imraan*, “**Jika benar**

<sup>41</sup> Sahih Muslim, jilid 1, ms 30, no 67.

<sup>42</sup> Sejumlah wang yang banyak kini digunakan untuk melindungi spesis haiwan terancam sedangkan manusia dibiarkan kelaparan dan mati akibat penyakit merupakan antara jenayah yang berat pada abad ke-20-an.

**kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku [Rasulullah (ﷺ)], nescaya Allah mengasihi kamu.”<sup>43</sup>** Ini bukanlah sesuatu konsep yang abstrak, kerana cinta manusia antara satu sama lain juga bermaksud ketaatan. Jika orang yang dicintai meminta supaya sesuatu dilakukan, yang mencintainya itu akan berusaha sedaya upaya untuk melakukannya mengikut tahap kecintaannya untuk orang yang dicintai itu.

Cinta terhadap Tuhan juga harus diluahkan dengan mencintai mereka yang dicintai Tuhan. Tidak masuk akal jika seseorang yang mencintai Allah boleh membenci orang yang Allah mencintai dan mencintai orang yang Allah benci. Diriwayatkan oleh Aboo Umaamah, Rasulullah ﷺ telah bersabda, “*Dia yang mencintai kerana Allah dan membenci kerana Allah, memberi kerana Allah dan menahan kerana Allah, telah menyempurnakan imannya.*”<sup>44</sup> Dari itu, mereka yang sempurna imannya akan mencintai semua yang mencintai Tuhan. Dalam Surah Maryam, Allah menunjuk bahawa Dialah yang meletakkan cinta ke dalam hati orang-orang yang beriman terhadap orang-orang yang soleh.




“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah yang melimpah-limpah rahmatnya akan menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai perasaan kasih sayang.”

Al-Qur'an, 19:96

Aboo Hurayrah juga meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) telah bersabda mengenai hal tersebut, “*Jika Allah mencintai seseorang hambaNya, Dia akan memberitahu malaikat Jibril bahawa Dia mencintai fulan bin fulan dan menyuruhnya supaya mencintai dia, maka Jibril pun mencintainya. Kemudian Jibril memanggil segala penghuni langit: ‘Allah mencintai seseorang itu, maka cintailah dia.’ Lalu semua penghuni langit pun mencintai dia. Kemudian dia dikurniakan cinta dari penghuni bumi.*”<sup>45</sup>

Doa

Doa harus diarahkan kepada Tuhan sahaja, kerana hanya Dialah yang boleh mengabulkan segala doa. Dia akan menjawab selagi mana dipanggil dengan penuh ikhlas.



“Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu.”

Al-Qur'an, 2:186

Nabi Muhammad (ﷺ) menekankan perkara ini dengan bersabda, “*Jika kamu memohon (meminta) di dalam doamu, memohonlah kepada Allah, dan jika kamu meminta pertolongan,*

<sup>43</sup> Al-Qur'an, 3:31.

<sup>44</sup> Dikumpulkan oleh Ahmad. at-Tirmidhee dan Aboo Daawood (*Sunan Abu Dawud*, jilid 3, ms 1312 no 3664 dan disahkan dalam *Saheeh Sunan Abbee Daawood*, jilid 3, ms 886 no 3915)

<sup>45</sup> *Sahih Al-Bukhari*, jilid 4, ms 291. no 431 dan *Sahih Muslim*, jilid 4, ms 1385 no 6373.

*mintalah pertolongan dari Allah.*<sup>46</sup> Dari itu, doa kepada manusia atau melalui manusia, yang hidup atau yang mati, merupakan satu bentuk *syirik*. Orang yang diseru di dalam doa menjadi bahan yang disembah. An-Nu'maan ibn Basheer meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, ‘*Doa itu ibadat.*’<sup>47</sup>

إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ عَبَادٌ أَمْثَالُكُمْ

“Sesungguhnya benda-benda yang kamu seru selain Allah adalah makhluk-makhluk seperti kamu.”

Al-Qur'an, 7:194

Oleh itu, amalan Kristian Katolik untuk menyembah kepada para wali adalah *syirik*. Jika sesuatu barang kehilangan, Saint Anthony dari Thebes akan diseru supaya dapat menolong cari barang itu.<sup>48</sup> Jude Thaddaeus adalah wali penaung bagi perkara yang mustahil dan diseru untuk memberi syafaat terhadap penyakit yang tidak dapat disembuhkan, pernikahan yang mustahil berlaku dan sebagainya.<sup>49</sup> Pada zaman dahulu, apabila seseorang memulakan perjalanan yang jauh, Christopher, wali penaung pengembara, menjadi bahan seruan untuk keselamatan. Akan tetapi, pada tahun 1969, Christopher telah ditarik balik namanya dari senarai para aulia dari perintahan papal setelah disahkan bahawa dia hanyalah rekaan semata.<sup>50</sup> Doa kepada Mariam, ibu Nabi Isa, dan kepada para malaikat, dan juga Michaelmas<sup>51</sup> adalah *syirik*. Begitu juga orang-orang Kristian yang menentang penyembahan para aulia melakukan *syirik* apabila mereka menyembah terus kepada Nabi Isa, melaluinya atau dengan namanya. Seperti orang Islam juga, sesiapa yang menyembah kepada Nabi Muhammad (ﷺ) telah melakukan *syirik*. Dari itu, Tuhan memerintah Nabi Muhammad (ﷺ) supaya memberitahu umatnya seperti yang berikut dari Surah *al-'Araaf*:

قُلْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يَنْهَا وَلَا يَأْتُ إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبَ لَا سَتَّرْتُ  
مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِي السُّوءُ

“Katakanlah: Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan kalau aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan.”

Al-Qur'an, 7:188

<sup>46</sup> Diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas dan dikumpul oleh at-Tirmidhee dan disahkan dalam *Saheeh Sunan at-Tirmidhee*, jilid 2, ms 308-9 no 2043. Rujuk kepada *Empat Puluh Hadith an-Nawawi*, ms 68 no 19 dan *Mishkat Al-Masabih*, jilid 2, ms 1099.

<sup>47</sup> *Sunan Abu Dawud*, jilid 1, ms 387 no 1474 dan disahkan dalam *Saheeh Sunan Abbee Daawood*, jilid 1, ms 277 no 1312.

<sup>48</sup> *The World Book Encyclopedia*, jilid 1, ms 509.

<sup>49</sup> *Ibid.*, jilid 1, ms 146.

<sup>50</sup> *The World Book Encyclopedia*, jilid 3, ms 417.

<sup>51</sup> Perayaan Kristian untuk malaikat St. Michael, disambut di gereja-gereja barat pada 29 September dan di gereja timur (Ortodoks) pada 8 November. Menikut Gereja Katolik Rom, ia adalah perayaan malaikat Mikael, Jibril dan Israfil: mengikut gereja Anglican, nama sebenarnya ialah Perayaan St. Michael dan Semua Para Malaikat (*The New Encyclopaedia Britannica*, jilid 8, ms 95).

Aboo Hurayrah meriwayatkan apabila turunnya ayat kepada Nabi Muhammad (ﷺ): **“Beri amaran kepada saudara terdekatmu,”**<sup>52</sup> baginda bersabda kepada saudara-maranya: “Wahai kaum Qurasyh, selamatkan dirimu dari Allah [melalui amal soleh], kerana aku tidak dapat menolong kamu dari kehendak Allah sedikitpun... Wahai Fatimah binti Muhammad, mintalah apa jua yang engkau inginkan [di dunia ini], tetapi aku tidak dapat menolongmu dari kehendak Allah.”<sup>53</sup>

### Mengapakah Tuhan Mencipta Manusia di Bumi?

Persoalan mengenai tujuan di sebalik penciptaan manusia boleh diperluaskan lagi dengan merangkumi dunia yang didiami ini. Soalannya akan berubah menjadi, “Mengapakah Tuhan mencipta manusia di muka bumi ini?” Sekali lagi, jawapannya mudah didapati dari Al-Qur'an, Surah *al-Mulk* dan *al-Kahf*:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِبَلُوغِكُمْ أَيْكُمْ أَحَسَنُ عَمَلاً وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ

“Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).”

Al-Qur'an, 67:2

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لَّهَا لِنَبْلُوَهُمْ أَيُّهُمْ أَحَسَنُ عَمَلاً

“Sesungguhnya Kami<sup>54</sup> telah jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan baginya, kerana kami hendak menguji mereka, siapakah di antaranya yang lebih baik amalnya.”

Al-Qur'an, 18:7

Oleh itu, tujuan di sebalik penciptaan manusia di muka bumi ini adalah untuk menguji tingkah laku mereka.<sup>55</sup> Dunia kehidupan dan kematian, kekayaan dan kemiskinan, kesakitan dan kesihatan, semuanya telah dicipta untuk mengasingkan jiwa yang soleh daripada jiwa yang jahat. Tingkah laku manusia di dunia ini menjadi ukuran keimanan mereka.

Ia harus diberi perhatian bahawa setiap tingkah laku yang diuji bukanlah untuk memberi maklumat kepada Tuhan mengenai manusia, kerana Dia sudah mengetahui segalanya mengenai mereka sebelum Dia menciptakan mereka. Ujian-ujian ini berfungsi untuk mengesahkan bahawa pada Hari Kiamat, mereka yang akan dimasukkan ke dalam api neraka layak dimasukkan ke sana dan mereka yang akan memasuki syurga berjaya memasukinya hanya dengan rahmat Tuhan. Berdasarkan manusia dalam kehidupan ini, ujian ke atas tingkah laku mereka mempunyai dua tujuan asas: satu, untuk meningkatkan tahap kerohanian manusia dan kedua, sebagai hukuman ataupun ganjaran.

<sup>52</sup> Surah *ash-Shura*, 26:214

<sup>53</sup> *Sahih Al-Bukhari*, jilid 4, ms 478-9, no 727 & 728 dan *Sahih Muslim*, jilid 1, ms 136 no 402.

<sup>54</sup> “Kami” dari bahasa Arab asal merupakan jamak keagungan, disandarkan kepada Tuhan.

<sup>55</sup> Lihat juga Surah *Hood*, 11:7.

## Peningkatan Kerohanian

Tujuan utama ujian-ujian di dunia ini adalah untuk meningkatkan kerohanian manusia. Sepertimana api yang teramat panas dapat mengeluarkan emas tulen dari bijih kasar yang terikat kepadanya, ujian menyucikan akhlak orang-orang yang beriman. Ia memaksa mereka supaya memilih sifat-sifat kerohanian yang lebih mulia dari nafsu mereka. Walaupun tidak semua ujian meraih kemenangan, di dalam kegagalan juga orang-orang yang beriman dapat meningkatkan diri dengan mempelajari ilmu kerohanian supaya dapat membantu diri mereka menghadapi ujian-ujian lain pada masa hadapan.

## Pemurah dan Redha

Sebagai contoh, setiap masyarakat menganggap sifat pemurah dan redha di antara sifat-sifat yang termulia. Namun, kedua-dua sifat ini tidak boleh dipupuk jika semua orang memiliki harta yang sama banyaknya. Sifat pemurah hanya boleh diperolehi jika jiwa manusia – sedar bahawa berkongsi dengan orang yang memerlukan adalah baik – berjuang untuk melawan keinginan untuk menyorok harta mereka. Di sebalik itu, sifat redha dicapai apabila jiwa dapat mengatasi kejahanatan sifat cemburu dan tamak. Si Pencipta dengan penuh hikmah, telah menetapkan tingkatan untuk perjuangan kerohanian dengan mengagihkan harta di dunia ini secara tidak seimbang. Di Surah *an-Nahl* dari Al-Qur'an, Allah berfirman:

وَاللَّهُ فَضَّلَ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ فِي الرِّزْقِ

“Dan Allah telah melebihkan sebahagian dari kamu atas sebahagian yang lain pada rezeki yang dikurniakanNya.”

Al-Qur'an, 16:71

Sifat tamak dan kedekut merupakan pencemaran dari fitrah manusia yang berkeinginan untuk memilik. Orang-orang yang beriman telah diberitahu menerusi wahyu bahawa harta adalah amanah yang diberikan kepada manusia dari Tuhan. Harta yang dimiliki sudahpun wujud sebelum manusia dilahirkan dan akan tinggal selepas mereka mati. Jika kekayaan digunakan mengikut perintah Tuhan, ia akan memanfaatkan pemiliknya di dunia dan akhirat. Akan tetapi, jika digunakan hanya untuk kepentingan diri sendiri, ia akan menjadi bala dalam kehidupan ini dan penyebab bagi pengazaban di akhirat kelak. Di Surah *al-Anfaal* dari Al-Qur'an, Tuhan memberi amaran kepada orang-orang yang beriman supaya berhati-hati akan bahayanya harta dan anak-anak:

وَاعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ

“Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian.”

Al-Qur'an, 8:28

Tuhan memberi amaran lagi kepada orang-orang yang beriman di Surah *al-Munaafiqoon* supaya mengawal nafsu mereka untuk harta kekayaan dan anak-anak agar tidak terpesong daripada ketaatan terhadapNya, kerana inilah ujian terhadap harta.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا لَا تُنْهِكُمُ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintahNya).”

Al-Qur'an, 63:9

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلِيفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَ كُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَتٍ لِّيَبْلُو كُمْ فِي مَا أَتَنَاكُمْ

“Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu.”

Al-Qur'an, 6:165

Keinginan untuk mengumpul harta benda tidak akan dapat dipuaskan dalam hidup ini. Semakin banyak yang dikumpul, semakin banyak lagi kemahuannya. Nabi Muhammad (ﷺ) telah bersabda, “*Jika manusia mempunyai emas sepenuh lembah, dia akan menginginkan satu lagi sepertinya, tiada apa-apa pun yang akan mengisi mulutnya melainkan tanah [dari kuburnya]. Dan Allah mengampunkan sesiapa yang bertaubat kepadaNya dengan penuh ikhlas.*<sup>56</sup>” Sifat keinginan yang buruk ini hanya dapat dilawan dengan menyedekahkan harta bendanya. Oleh itu, Allah telah perintahkan para nabi supaya memungut derma dari golongan yang lebih kaya dari umat mereka untuk diagihkan kepada mereka yang miskin.

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk).”

Al-Qur'an, 9:103

Sedekah telah dilembagakan dalam Islam sejak dari asalnya dengan nama Arabnya *Zakaah*<sup>57</sup>(sedekah wajib). Setiap orang beriman yang mempunyai harta berlebihan diwajibkan untuk memberi sebahagian dari harta itu untuk golongan yang memerlukan pada setiap tahun, sebagai suatu ibadat. Menahan pengeluaran zakat dianggap dosa yang besar. Memberikan sedekah ini menyedarkan orang-orang beriman bahawa harta benda mereka bukanlah kepunyaan mereka semata untuk digunakan sesuka hati. Ia mengajarkan bahawa mereka hanyalah penjaga sementara harta-harta itu dan wajib memberi sebahagian daripadanya kepada mereka yang susah. Oleh itu, Tuhan menghuraikan bahawa orang yang benar-benar beriman adalah mereka yang mengiktiraf hak orang-orang yang memerlukan ke atas sebahagian dari harta mereka.

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلْسَابِلِ وَالْمَحْرُومِ

<sup>56</sup> Sahih Al-Buhkari, jilid 8, ms 297-8 no 447.

<sup>57</sup> Makna asal *zakaah* ialah ‘suci’ dan ‘tumbuh’.

“Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).”

Al-Qur'an, 51:19

Namun, memberikan sedekah harus dilakukan dengan seikhlas hati untuk mendapat keredhaan Tuhan, dan bukan untuk menunjuk atau mengongkong orang lain. Ganjaran memberi sedekah akan hilang semuanya jika dilakukan semata-mata untuk mencari keuntungan dunia. Allah berfirman mengenai hakikat ini di Surah *al-Baqarah*:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا لَا تُبْطِلُو أَصْدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى

“Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti.”

Al-Qur'an, 2:264

Nafsu menginginkan harta dipertingkatkan lagi dengan sifat iri hati. Oleh itu, Tuhan menyuruh kita supaya tidak menginginkan apa yang Dia berikan kepada orang lain. Tuhan mengatasinya masalah ini di Surah *an-Nisaa'* dari Al-Qur'an:

وَلَا تَتَنَمَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ

“Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran).”

Al-Qur'an, 4:32

Nabi Muhammad ﷺ mengulangi nasihat Ilahi ini dengan bersabda: “*Lihat kepada mereka yang berkekurangan (dari segi harta) dari kamu dan janganlah melihat mereka yang melebihi kamu; ini adalah lebih baik untuk kamu, supaya kamu tidak menafikan setiap kurniaan Allah ke atas dirimu.*”<sup>58</sup> Apabila manusia menumpukan perhatian kepada orang yang lebih kaya dari mereka, perasaan iri hati mula dipupuk. Kebiasaannya, mereka merasai dan mengatakan bahawa Tuhan tidak bersikap adil terhadap mereka. Akhirnya, mereka sanggup melakukan banyak dosa untuk mencapai keinginan mereka supaya mendapatkan apa yang dimiliki orang lain. Sebaliknya, Islam menasihatkan supaya mereka mempertimbangkan orang-orang yang lebih susah daripada mereka. Walau bagaimana susah sekalipun keadaan, pasti ada orang yang lebih susah dari mereka. Oleh itu, mempertimbangkan keadaan orang yang lebih susah dapat mengingatkan manusia betapa banyaknya nikmat yang telahpun Tuhan kurniakan kepada mereka. Perjuangan kerohanian untuk mengelakkan perasaan iri hati inilah yang memupuk sifat kepuasan hati yang bermutu nilainya. Selain dari itu, berdasarkan pengajaran para nabi, harta benda bukanlah dianggap sebagai harta yang sebenar di dunia ini. Aboo Hurayrah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, “*Kekayaan bukanlah [diukur] dari harta, tetapi dari kekayaan jiwa (hati yang merasa cukup).*”<sup>59</sup>

<sup>58</sup> *Sahih Al-Buhkari*, jilid 8, ms 328 no 497 dan *Sahih Muslim*, jilid 4, ms 1530 no 7070.

<sup>59</sup> *Sahih Al-Buhkari*, jilid 8, ms 304 no 453.

Keredhaan tidak bermakna manusia harus menerima apa jua keadaan yang mereka hadapi dan tidak cuba untuk berusaha memperbaiki diri mereka. Ia bermakna, setelah berusaha sedaya upaya untuk mencapai kehidupan yang terbaik, seseorang haruslah menerima takdir Tuhan dengan hati yang terbuka. Dengan menyerahkan segala urusan di tangan Tuhan, setelah berusaha, barulah hati merasa tenang dari keinginan untuk kebahagian di dunia ini. Tuhan menyatakan di Surah *ar-Ra'd* dalam Al-Qur'an:

﴿۲۸﴾  
أَلَا يَذَكِّرُ اللَّهُ تَعَالَى مَنْ أَقْلَمَهُ

“Ketahuilah dengan “zikrullah” itu, tenang tenteramlah hati manusia.”

Al-Qur'an, 13:28

## Musibah

Setiap ujian dalam kehidupan ini juga didatangkan dalam bentuk ‘musibah’ dan bencana yang dapat meningkatkan tahap perkembangan rohani orang-orang beriman dan menyucikan mereka dari dosa. Di sebaliknya, ujian berupa musibah mengingatkan mereka yang terpesong supaya kembali ke jalan yang benar, dan ia menghukum orang-orang kafir di dunia ini sebelum di akhirat kelak.

## Kesabaran

Musibah adalah dasar untuk memupuk rohani yang berkualiti tinggi. Oleh itu, tidak menghairankanlah jika terdapat orang-orang soleh yang diuji dengan pelbagai tragedi dan kesusahan dalam kehidupan mereka. Sa'd meriwayatkan bahawa dia bertanya kepada Rasulullah (ﷺ) siapakah manusia yang paling diuji, lalu Rasulullah (ﷺ) menjawab, “Para nabi, kemudian orang-orang yang paling serupa dengan mereka, dan kemudian orang-orang yang paling serupa dengan mereka. Manusia diuji mengikut tahap keimanan mereka. Jika imannya kukuh, ujiannya bertambah beratnya, dan jika imannya lemah, dia akan diuji seimbang dengannya.”<sup>60</sup>

Kesabaran sebenar adalah hasil dari kepercayaan sepenuhnya kepada Tuhan sewaktu ditimpa malapetaka. Kepercayaan kepada Tuhan merupakan sudut yang penting dalam ibadat dan dihasilkan secara lumrah dari keimanan yang teguh. Oleh kerana beriman kepada Allah bermakna menerima bahawa tiada yang berlaku di alam semesta tanpa izinNya, hanya Allah sahajalah yang layak mendapat kepercayaan sepenuh manusia. Hanya janji Tuhan sahajalah yang tidak dimungkiri. Manusia, walau bagaimana soleh sekalipun, dia mampu membuat kesalahan. Manusia akan sentiasa mengecewakan antara satu sama lain kerana lumrah mereka untuk melakukan kesalahan. Oleh itu, Allah memetik percakapan Nabi Ya'kub dalam Surah *Yoosuf*:

﴿٦﴾  
إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ عَلَيْهِ تَوَكِّلُ مَنْ شَاءَ فَلَمَّا وَلَّوْنَ

<sup>60</sup> Dikumpul oleh at-Tirmidhee dan Ibn Maajah dan disahkan dalam *Saheeh Sunan at-Tirmidhee*, jilid 2, ms 286 no 1956.

“Itu hanya tertentu bagi Allah. KepadaNyalah aku berserah diri, dan kepadaNyalah hendaknya berserah orang-orang yang mahu berserah diri.”

Al-Qur'an, 12:67

Allah kemudian menjamin umat manusia bahawa apabila mereka meletak kepercayaan yang sepenuhnya kepadaNya, Dia akan mencukupi mereka apabila mereka dalam penuh kesusahan.

وَمَن يَتَوَلَّ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ وَ

“Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya).

Al-Qur'an, 65:3

Percaya kepada Tuhan termaktub dalam keimanan yang kukuh bahawa Allah sahaja yang mengetahui apa yang terbaik untuk manusia; keimanan yang teguh bahawa apa yang manusia menyangka baik baginya, mungkin tidak baik pada jangka masa yang panjang. Seperti mana Allah berfirman dalam Surah *al-Baqarah*:

وَعَسَيْ أَن تَكُرُّهُوا شَيْئاً وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَيْ أَن تُحِبُّو شَيْئاً وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ٦٦

“Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.

Al-Qur'an, 2:216

Allah menduga manusia dengan ujian yang khusus mengikuti keperluan dan keadaan setiap individu. Tuhan menggubah ujian untuk setiap orang menurut kemampuan mereka supaya ia dapat menerbitkan ciri-ciri yang terbaik dalam diri mereka. Tidaklah adil untuk manusia jika diuji melebihi kemampuan mereka, dan kemudian dihukum ke atas kegagalan mereka. Oleh itu, Tuhan menekankan dalam banyak ayat-ayat suci Al-Qur'an bahawa Dia tidak menzalimi sesiapa pun. Sebagai contoh, Tuhan berfirman di dalam Surah *al-Kahf*:

وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا

“Dan (ingatlah) Tuhanmu tidak berlaku zalim kepada seseorang pun.”

Al-Qur'an, 18:49

Jika Allah benar-benar adil, ini bermakna setiap ujian yang dialami manusia tidaklah melebihi kemampuan mereka untuk diatasi. Untuk meyakinkan manusia, Allah berfirman perkara ini berulang-kali dalam Al-Qur'an. Contoh penenteraman ini di Surah *al-Baqarah*:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

“Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.”

Al-Qur'an, 2:286

Selain dari itu, yang Maha Kuasa berjanji bahawa kesusahan yang dialami manusia dalam kehidupan ini akan diselangi dengan waktu ketenangan. Jika ujian itu berterusan, pasti mereka tidak dapat menanggungnya. Oleh itu, setiap ujian akan diikuti dengan tempoh kelegaan, sebagaimana Allah telah menegaskan dua kali dalam Surah *al-Inshiraah*:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ٥٦

“Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan, (Sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan.”

Al-Qur'an, 94:5-6

### Sikap Putus Asa

Disebabkan kenyataan ini, membunuh diri diharamkan secara terang-terangan dalam Islam. Allah berfirman di Surah *an-Nisaa'*:

وَلَا نَفْتَأِلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ٢٩

“Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.”

Al-Qur'an, 4:29

Orang yang membunuh diri seolahnya mengatakan bahawa Tuhan telah membebankan mereka melebihi kemampuan mereka. Mereka membuat tuduhan palsu bahawa si Pencipta bertindak tidak adil terhadap mereka dan menyebabkan mereka menjadi kufur. Oleh kerana mereka menolak keimanan, pemikiran mereka mengenai Tuhan menjadi songsang dan kemudian berputus asa. “Kehidupan,” sebagaimana mereka selalu ucapkan, “begitu tidak adil sehingga tiada makna lagi untuk diteruskan.”

إِنَّهُ لَا يَأْئِشُ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ ٨٧

“Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir.”

Al-Qur'an, 12:87

Oleh itu, Tuhan telah mengkhabarkan kepada manusia bahawa hukuman bagi mereka yang bersangka buruk terhadapNya ialah diazab selamanya dalam api neraka. Dalam Surah *al-Fath*, Allah berfirman:

وَيُعَذِّبُ الْمُنَفِّقِينَ وَالْمُنَفَّقَتِ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُشْرِكَاتِ الظَّالَّاتِينَ بِاللَّهِ ظَلَّتْ السَّوْءَ  
عَلَيْهِمْ دَائِرَةُ السَّوْءِ وَغَضِيبَ اللَّهِ عَلَيْهِمْ وَلَعْنُهُمْ وَأَعْدَ اللَّهُمْ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا

“Dan supaya Ia menyeksa orang-orang munafik - lelaki dan perempuan, dan orang-orang musyrik - lelaki dan perempuan, yang menyangka terhadap Allah dengan sangkaan yang buruk (bahawa Ia akan mengecewakan RasulNya). Atas merekaalah tertimpanya bala bencana yang dibawa oleh peredaran zaman; dan (selain itu) Allah murkai mereka dan melaknatkan mereka serta menyediakan untuk mereka neraka Jahannam; sedang neraka Jahannam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.”

Al-Qur'an, 48:6

## Harapan

Di sebaliknya, janji Ilahi akan keadilan dan rahmat merangsang orang-orang beriman dengan keyakinan yang diperlukan untuk mengatasi kesusahan dalam kehidupan ini. Oleh itu, harapan terhadap rahmat Tuhan adalah sebahagian penting dari iman. Mereka yang beriman kepada Allah dan sabar berusaha untuk melakukan perkara yang betul layak mengharapkan rahmatNya kerana Dia telah berjanji akan menolong dan menyokong mereka yang bersabar:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُوا أَسْتَعِنُو بِالصَّابِرِ وَالصَّالِحَةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

“Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar.”

Al-Qur'an, 2:153

إِنَّ الَّذِينَ إِيمَانُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهُدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَةَ اللَّهِ  
وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Al-Qur'an, 2:218

Sudah tentu, syurgalah ganjaran bagi kesabaran yang berdasarkan kepercayaan ikhlas terhadap Tuhan. Tuhan memberitahu orang-orang beriman tentang ganjaran mereka seperti yang difirmanNya:

وَبَشِّرُ الصَّابِرِينَ ۝ ۱۰۰ أَلَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُّصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَجُونَ ۝

“Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar: (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”

Al-Qur'an, 2:155-6

Kesabaran juga berdasarkan kepercayaan bahawa apa jua yang ditimpa manusia adalah akibat amalan jahat mereka sendiri.<sup>61</sup> Tuhan mengingatkan manusia akan hakikat tersebut di Surah *ash-Shoora* dari Al-Qur'an dengan berfirmanNya:

وَمَا أَصَبَّكُمْ مِنْ مُصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبْتُمْ إِلَيْكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ

“Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu.”

Al-Qur'an, 42:30

Sebenarnya, Tuhan telahpun memaafkan manusia atas banyak kesalahan mereka. Jika Dia menghukum mereka dengan tegas setanding dengan amalan mereka, mereka dan semuanya di dunia akan dimusnahkan. Tuhan menghuraikan perkara ini di Surah *al-Faatir*:

وَلَوْ يُؤَاخِذَ اللَّهُ النَّاسَ بِمَا كَسَبُوا مَا تَرَكَ عَلَى ظَهِيرَهَا مِنْ دَآبَاتٍ

“Dan kalaularah Allah mengirakan kesalahan manusia serta terus menyeksa mereka disebabkan amal-amal jahat yang mereka telah kerjakan, tentulah la tidak membiarkan tinggal di muka bumi sesuatu makhluk yang bergerak.”

Al-Qur'an, 35:45

Dari itu, kedua-dua ujian yang baik dan buruk dapat memanfaatkan orang yang beriman. Kehidupan mereka seimbang di antara tingkah laku manusia yang melampau. Mereka tidaklah terlalu gembira ke atas kejayaan hidup sehingga melupakan Tuhan, dan tidaklah juga terlalu tertekan dengan kesusahan dan kegagal hidup sehingga berputus asa terhadap Tuhan. Sebaliknya, mereka mengingati Tuhan yang Maha Pemberi, dan yakin atas setiap keputusanNya. Suhayb ibn Sinan meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: “*Ajaib sungguh urusan orang yang beriman! Seluruh hidupnya bermanfaat, dan ini hanyalah ke atas orang yang beriman. Apabila kebaikan mendatanginya, dia bersyukur dan ia adalah baik untuknya, dan apabila keburukan melandanya, dia bersabar dan ia juga adalah baik untuknya.*”<sup>62</sup> Inilah keadaan orang yang menerima takdir Tuhan. Oleh itu, beriman kepada kedua bentuk takdir dari yang baik dan yang buruk adalah rukun iman yang ke-enam dalam Islam.

Di sebaliknya, jika orang-orang beriman hidup tanpa sebarang masalah, ia harus menjadi petanda bahawa ada sesuatu yang tidak kena. Dalam keadaan sedemikian, orang yang benar-benar beriman haruslah berhenti seketika untuk muhasabah dirinya dan kehidupannya.

<sup>61</sup> Sebenarnya, setiap kerosakan di bumi adalah akibat kejahatan manusia sendiri. Allah menerangkan di Surah *ar-Room* (30):41 yang dipetik dalam buku ini.

<sup>62</sup> *Sahih Muslim*, jilid 4, ms 1541 no 7138.

Kemungkinan, ujian-ujian yang dihadapi tidak ketara sehingga mereka tidak sedar, ataupun mereka telah tersasar dari jalan yang benar. Allah berfirman di Surah *at-Tawbah* bahawa keseronokan zahir orang-orang kafir dari harta dan anak-anak mereka hanyalah peringkat awal dari hukuman mereka:



“Dan janganlah engkau tertarik hati kepada harta benda dan anak-anak mereka, (kerana) sesungguhnya Allah hanya hendak menyeka mereka tengannya di dunia, dan hendak menjadikan nyawa mereka tercabut sedang mereka dalam keadaan kafir (untuk mendapat azab akhirat pula).”

Al-Qur'an, 9:85

Ini tidaklah pula bermakna orang-orang beriman harus meminta kesusahan dan musibah dalam hidup mereka, kerana Allah telah mengajar mereka supaya berdoa: “**Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami.**”<sup>63</sup> Sebaliknya, mereka harus bersyukur kepada Allah kerana telah melepaskan mereka dari sebarang musibah. Bagaimanapun, mereka harus sentiasa berwaspada pada masa senang supaya tidak lalai terhadap ujian-ujian yang melanda, kerana kejayaan dan kebahagian sering membutakan manusia dari dugaan hidup.

## Peringatan

Ujian kadangkala menjadi hukuman berbentuk peringatan bagi mereka yang telah terpesong dan mendorong mereka supaya kembali ke jalan yang benar. Apabila manusia tersasar, jarang sekali mereka mahu mendengar nasihat dari orang sekelilingnya. Akan tetapi, apabila sesuatu musibah melanda mereka atau orang-orang yang terdekat dan disayangi mereka, ia akan menyentak mereka yang masih mempunyai sedikit iman supaya menyedari kesalahan mereka.



“Dan demi sesungguhnya, Kami<sup>64</sup> akan merasakan mereka sedikit dari azab dunia sebelum azab yang besar (di akhirat kelak), supaya mereka rujuk kembali bertaubat.”


Al-Qur'an, 32:21

Ujian sebalik musibah yang mengingatkan manusia tentang kepesongan mereka boleh dilanda dalam bentuk sifat tidak berperikemanusiaan antara satu sama lain. Contohnya seperti kekejaman yang tidak terkata dari orang Serbia terhadap orang-orang Islam Bosnia yang terpesong jauh dari Islam, ataupun pencerobohan kejam Saddam di Kuwait dan bom-bom

<sup>63</sup> Surah *al-Baqarah*, 2:286

<sup>64</sup> ‘Kami’ dari asal makna bahasa Arab ialah keagungan, dirujuk kepada Tuhan.

Amerika ke atas orang-orang awam di Iraq. Allah menerangkan bahawa sebarang penderitaan manusia di tangan manusia yang lain adalah disebabkan kelakuan mereka sendiri. Akan tetapi, penderitaan mereka merupakan peringatan supaya kembali ke jalan yang benar.




“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”

Al-Qur'an, 30:41

## Kemunafikan

Musibah juga mendedahkan mereka yang pura-pura beriman, dan menunjuk golongan kufur bahawa mereka telah memilih neraka dengan kehendak mereka sendiri. Telah banyak kes yang berlaku di mana orang yang memeluk agama Islam atas sebab-sebab yang salah, setelah menghadapi lebih banyak kesusahan menimpa diri mereka berbandingkan sebelum Islam, mereka pun kembali kepada agama asal mereka. Tuhan menyatakan di Surah *al-Ankaboot* dalam Al-Qur'an:



"Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami<sup>65</sup> telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuiNya tentang orang-orang yang berdusta."

Al-Qur'an, 29:2-3

Hukuman

Mereka yang melampaui batas yang ditetapkan Tuhan telah mendedahkan diri mereka kepada hukuman di dunia dan akhirat. Sepanjang kandungan Al-Qur'an, Allah telah menghuraikan banyak kaum-kaum terdahulu yang menolak hidayah Ilahi dan kemudian dimusnahkan. Kisah-kisah ini menjadi peringatan bagi manusia akan akibat menolak hukam-hakam Tuhan. Di dalam Surah *an-Noor*, Allah memberikan peringatan umum seperti berikut:

<sup>65</sup> “Kami” dari asal makna bahasa Arab ialah keagungan, rujuk kepada Tuhan.



فَلَيَحْذِرُ الَّذِينَ يَخْالِقُونَ عَنْ أَمْرِهِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةً أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

“Oleh itu, hendaklah mereka yang mengingkari perintahnya, beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana, atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

Al-Qur'an, 24:63

Hukuman boleh dilanda dengan berbagai cara. Hukuman paling ketara yang telah melanda manusia seluruh dunia pada hari ini ialah penyakit AIDS,<sup>66</sup> yang muncul buat pertama kalinya dalam sejarah perubatan di permulaan ‘80-an.<sup>67</sup> Sebahagian besar dari mereka yang menghidapnya adalah orang yang tidak bermoral. Pada mulanya, mangsa utamanya adalah kaum homoseksual, kemudian biseksual dan diikuti dengan heteroseksual yang tidak bermoral serta pengguna dadah intravena. Kesemua dari golongan ini telah melanggar hukum-hakam Ilahi yang membataskan hubungan seks di antara kaum lelaki dan wanita yang sudah berkahwin sahaja dan pengharaman penggunaan bahan yang memabukkan. Ada yang menyatakan bahawa AIDS juga telah tersebar kepada mereka yang suci melalui pemindahan darah dan kepada anak-anak dari ibu bapa mereka. Namun, statistik perubatan menunjukkan bahawa kes-kes yang sebegini hanya segelintir sahaja berbanding dengan golongan yang lain. Walau apapun juga, Allah telah memberi amaran di Surah *al-Anfaal* dari Al-Qur'an bahawa apabila hukumanNya tiba, ia tidak terbatas kepada yang jahat sahaja, tetapi akan melanda masyarakat keseluruhannya.



وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

“Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalm di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksaNya.”

Al-Qur'an, 8:25

Nabi Muhammad (ﷺ) telah bernubuat akan datangnya fitnah yang sebegini pada seribu empat ratus tahun dahulu. Ibn ‘Umar meriwayatkan bahawa Baginda telah bersabda, “Apabila zina dilakukan secara terang-terangan di suatu kaum, akan tersebar di tengah-tengah mereka taun (wabak) dan penyakit-penyakit yang tidak pernah menjangkiti generasi sebelumnya.”<sup>68</sup> Namun, AIDS hanyalah salah satu dari penyakit-penyakit yang dilanda. Sebelum adanya AIDS, satu amaran telah datang dalam bentuk penyakit lain yang dinamakan herpes. Ia tersebar luas antara golongan yang tidak bermoral pada permulaan 1960-an dan ’70-an. Ia diisytiharkan sebagai wabak di Amerika pada pertengahan tujuh puluhan dan tiada ubat baginya hingga ke

<sup>66</sup> Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), merupakan penyakit yang disebarluaskan oleh virus yang menyerang daya ketahanan badan terhadap penyakit, menyebabkan pesakit sangat mudah terdedah kepada penyakit dan kemungkinan akan mati dari salah satu penyakit yang dijangkitinya. (*Chambers Pocket Dictionary*, ms 19.)

<sup>67</sup> Ia pertama kali dikenal pasti pada tahun 1981. (*The New Encyclopaedia Britannica*, jilid 10, ms 676.)

<sup>68</sup> Dukumpul oleh Ibn Maajah dan disahkan dalam *Saheeh Sunan Ibn Maajah*, jilid 2, ms 370 no 3246.

hari ini. Perhatian manusia betukar daripadanya pada hujung '70-an kerana ia tidak membawa maut sedangkan AIDS boleh menyebabkan kematian.<sup>69</sup>

## Mengapa Tuhan Mencipta Alam Semesta?

Tujuan untuk bumi dan isinya diciptakan, berbanding dengan manusia, telah ditakrifkan secara khususnya di dalam Al-Qur'an. Allah berfirman di dalam Surah *Ibraaheem* dan *al-An'aam*:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنْ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ  
رِزْقًا لَكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْأَنْهَارَ  
وَسَخَّرَ لَكُمُ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَإِبَيْنَ وَسَخَّرَ لَكُمْ أَيَّلَ وَأَنَّهَارَ

٢٣ ٢٤

“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya). Dan Ia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu, dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu.”

Al-Qur'an, 14:32-33

فَالْأَوَّلُ إِلَاصْبَاحِ وَجَعَلَ أَيَّلَ سَكَنًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ حُسْبَانًا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ  
وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ النُّجُومَ لِنَهَتِدُوا بِهَا فِي ظُلْمَتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ قَدْ فَصَّلَنَا أَلْآيَاتِ لِقَوْمٍ  
يَعْلَمُونَ

١٦ ١٧


“Allah jualah yang membelah cahaya subuh (yang menyingsingkan fajar), dan yang menjadikan malam untuk tinggal berehat, dan menjadikan matahari dan bulan untuk mengira waktu (menurut peredarannya). Yang demikian itu adalah kuasa penentuan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui. Dan Dia lah yang menjadikan bintang-bintang bagi kamu supaya kamu berpedoman kepadanya dalam kegelapan (malam) di darat dan di laut. Sesungguhnya kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengetahui.”

Al-Qur'an, 6:96-97

Semua kandungan di bumi telah dicipta untuk berkhidmat kepada umat manusia. Sama ada hasil dari ciptaan manusia seperti kapal, ataupun dari alam semesta, semuanya telah diberikan Tuhan untuk memanfaatkan manusia. Namun, pemberian sebegini bukanlah tanpa tanggungjawabnya. Manusia harus menghargai pemberian dan rahmat Allah serta bersyukur kepadaNya dan mengagungkanNya. Sebagai contoh, Dia telah mengajar orang-orang beriman

<sup>69</sup> Apabila gejala timbul, demam dan lesu diikuti dengan rasa melepuh di kawasan kemaluan dan pembesaran kelenjar limfa di pangkal paha. Lepuh dan ulser kecil biasanya dijumpa di kawasan jangkitan dan kesakitan yang teruk dan melepuh terasa sewaktu membuang air kecil. (*The New Encyclopaedia Britannica*, jilid 21, ms 536).

dalam Surah *az-Zukhruf* supaya berdoa seperti yang berikut apabila menunggang binatang atau kenderaan:



“Supaya kamu duduk tetap di atasnya; kemudian kamu mengingati nikmat Tuhan kamu apabila kamu duduk tetap di atasnya, serta kamu (bersyukur dengan) mengucapkan: “Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kepada Tuhan kamilah, kami akan kembali!”

Al-Qur'an, 43:13-14

Manusia juga bertanggungjawab untuk memerintah ciptaan menurut hukum-hakam Tuhan. Inilah tujuan manusia terhadap ciptaan yang lain. Mereka diperintahkan supaya memanfaatkan isi kandungan bumi ini mengikut perintah Tuhan. Aboo Sa'eed Al-Khudree telah menyampaikan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: “*Dunia ini manis dan hijau, dan Allah yang Maha Tinggi menjadikan kamu khalifah untuk mengelola apa yang ada di dalamnya, lalu Dia melihat bagaimana kamu berbuat.*”<sup>70</sup> Manusia tidak bebas untuk melakukan apa sahaja terhadap bumi sewenang-wenangnya. Akibatnya, sikap negatif golongan sekular materialistik terhadap alam semula jadi bercanggah dengan wahyu.

Golongan materialis menganggap alam semula jadi sebagai musuh yang harus ditakluki. Tidaklah cukup untuk menghargai kecantikan gunung Everest, tetapi nyawa harus dikorbankan setiap tahun untuk menaklukinya dengan memanjat sehingga ke puncaknya. Tidaklah cukup untuk mengagumi binatang eksotik di merata dunia, tetapi semasa safari-safari pada abad yang lalu, kebanyakan jenis binatang-binatang telah diburu sehingga pupus supaya menjadi piala di ruang-ruang tamu orang Barat. Walaupun safari-safari kini telah dihentikan, kekurangan binatang-binatang seperti badak terus diancam menjadi pupus kerana kepentingan tanduknya sebagai ramuan ubat tradisional Timur Jauh dan afrodisiak.

## Haiwan

Menurut Al-Qur'an, membunuh haiwan untuk bersukan diharamkan dan berdosa di sisi Tuhan. Ibn 'Abbaas meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: “*Janganjadikan makhluk bernyawa sebagai sasaran.*”<sup>71</sup> Mengambil nyawa binatang yang hidup dilarang kecuali untuk dimakan, untuk melindungi nyawa manusia atau untuk digunakan sebagai pakaian. Membunuh untuk berseronok pada asasnya adalah kejam. Jika nyawa manusia diambil kerana melakukan jenayah terhadap masyarakat, ataupun nyawa haiwan diambil untuk dimakan, ia harus dilakukan dengan cara yang tidak menyakitkan semana mampu. Shaddad ibn Aws menceritakan dua perkara yang diingatinya dari Rasulullah ﷺ: “*Sesungguhnya Allah telah*

<sup>70</sup> *Sahih Muslim*, jilid 4, ms 1432 no 6606.

<sup>71</sup> *Sahih Muslim*, jilid 3, ms 1079 no 4813.

Hisham ibn Zayd meriwayatkan ketika beliau dan datuknya Anas ibn Maalik menziarahi rumah Hakam ibn Ayyoob, [mereka terlihat] beberapa orang menggunakan ayam sebagai sasaran untuk anak panah mereka. Anas meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ telah mengharamkan mengikat binatang [sebagai sasaran]. *Sahih Muslim*, jilid 3, ms 1078 no 4810.

*mewajibkan supaya selalu bersikap baik terhadap setiap sesuatu, jika kamu membunuh maka bunuhlah dengan cara yang baik, jika kamu menyembelih maka sembelihlah dengan cara yang baik, tajamkan pisaumu dan senangkanlah haiwan sembelihanmu.”<sup>72</sup>* Walaupun sekelompok ‘pencinta haiwan’ di negara barat telah menentang kaedah penyembelihan binatang dalam Islam, cara stunning yang digunakan negara barat dengan kejutan elektrik atau memecahkan kepala adalah jauh lebih sakit untuk binatang. Apabila leher binatang dipotong dengan pisau yang tajam, binatang itu tidak merasainya dan akan pengsan dengan segera semasa darah yang dipam jantung itu keluar dari arteri karotid.

Menjaga haiwan termaktub dalam hukum Ilahi, malah termasuk juga anjing yang biasanya dilarang dalam rumah orang-orang Islam.<sup>73</sup> Aboo Hurayrah meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, “Seorang lelaki yang sedang berjalan lalu dia berasa haus, maka dia turun ke dalam perigi dan minum daripadanya. Apabila dia keluar, dia ternampak seekor anjing yang sedang mengeluarkan lidahnya dan menjilat tanah kerana kehausan. Kata lelaki itu [kepada dirinya sendiri], ‘Binatang ini kehausan seperti aku sebentar tadi.’ Dia pun turun ke dalam perigi itu dan mengisi kasutnya dengan air. Kemudian dia memanjat keluar sambil memegang kasut itu dengan giginya dan memberikan air kepada anjing itu. Allah berterima kasih kepadanya dan mengampuninya [dan memasukkannya ke dalam syurga].”<sup>74</sup> Mereka (para sahabat) bertanya, “Wahai Rasulullah (ﷺ), adakah kami diberi ganjaran jika kami berkhidmat kepada haiwan?” Baginda menjawab, “Dalam [khidmat kepada] setiap yang bernyawa, ada ganjarannya.”<sup>75</sup> Aboo Hurayrah juga meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, “Allah telah mengampuni seorang pelacur [kaum Bani Israel]<sup>76</sup> yang mengikat kasutnya kepada selendangnya untuk mengeluarkan sedikit air [dari perigi] untuk seekor anjing yang hampir mati kehausan. Maka dengan itu, Allah telah mengampuninya.”<sup>77</sup> Di sebaliknya, menyakiti haiwan merupakan dosa besar menurut hukum Islam. ‘Abdullaah ibn ‘Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, “Seorang wanita dihukum dan dimasukkan ke dalam neraka disebabkan seekor kucing yang dikurungnya sehingga mati. Dia tidak memberinya makanan atau minuman, dan tidak juga dilepaskan supaya dapat ia makan tikus-tikus di bumi.”<sup>78</sup>

Ada keadaan yang mengharuskan binatang disakiti, seperti memukul binatang supaya ia bergerak dan memberinya tanda untuk pengenalan. Namun, walaupun dalam keadaan begini, Tuhan memerintah supaya mereka dilindungi. Jaabir meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) mlarang memukul binatang dan memberi tanda (yang menyakitkan) pada wajahnya.<sup>79</sup>

<sup>72</sup> *Sahih Muslim*, jilid 3, ms 1079 no 4810.

<sup>73</sup> Orang Islam tidak digalakkan menyimpan anjing sebagai binatang perliharaan. Tetapi, anjing pengawal kambing dan anjing pemburu diizinkan. Ibn ‘Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, “Sesiapa yang menyimpan anjing untuk selain dari penggembalaan atau memburu, akan hilang ganjaran seberat dua gunung dari [timbangan kebaikan] amalannya setiap hari.” (*Sahih Muslim*, jilid 3, ms 826 no 3815.)

<sup>74</sup> *Sahih Al-Bukhari*, jilid 1, ms 120 no 174.

<sup>75</sup> *Sahih Al-Bukhari*, jilid 3, ms 322-3 no 551 dan *Sahih Muslim*, jilid 4, ms 1215-6 no 5577.

<sup>76</sup> *Sahih Al-Bukhari*, jilid 4, ms 448-9 no 673.

<sup>77</sup> *Sahih Al-Bukhari*, jilid 4, ms 338-9 no 538 dan *Sahih Muslim*, jilid 4, ms 1216 no 5579.

<sup>78</sup> *Sahih Al-Bukhari*, jilid 4, ms 456 no 689 dan *Sahih Muslim*, jilid 4, ms 1215 no 5573.

<sup>79</sup> *Sahih Muslim*, jilid 3, ms 1163 no 5281.

## Tumbuh-tumbuhan

Tanggungjawab manusia untuk menjaga alam sekitar tidaklah setakat berkhidmat kepada haiwan sahaja. Tumbuh-tumbuhan juga sangat dipentingkan dalam hukum Ilahi. Sehinggakan, setiap Muslim yang berperang dilarang merosakkan pohon-pohon yang berbuah,<sup>80</sup> manakala menanam pokok dianggap sebagai amalan bersedekah. Jaabir meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, “Seorang Muslim yang menanam pokok mendapat ganjaran bersedekah. Apa sahaja yang dimakan darinya adalah sedekah, apa yang dicuri darinya, apa yang dimakan binatang dan apa yang dimakan burung, semuanya sedekah. Sesiapa atau apa sahaja yang mengambil darinya, mendapatkan bagi yang menanamnya ganjaran [memberi] sedekah.”<sup>81</sup> Islam mendorong supaya usaha sepenuhnya ditumpukan untuk bertanaman, walaupun ia menjadi perkara terakhir yang dilakukan oleh orang yang beriman dalam hidup ini. Anas meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, “Jika [standart] permulaan Hari Pembangkitan muncul sedangkan seorang dari kamu mempunyai anak benih di tangannya, hendaklah dia menanamnya jika mampu sebelum mulanya pembangkitan.”<sup>82</sup> Oleh itu, manusia mempunyai tanggungjawab untuk menjaga kesemua sudut alam persekitaran di mana ia telah diciptakan, sebagai suatu tugas yang suci terhadap Tuhan. Ini memerlukan penentangan yang tegas kepada pencemaran secara besar-besaran dan kerosakan alam semula jadi disebabkan masyarakat pengguna materialistik seluruh dunia pada hari ini. Menurut wahyu, kecuaian terhadap tugas ini dianggap berdosa sedangkan menjalankannya merupakan suatu ibadat.

## Kesimpulan

Tanpa mengetahui tujuan di sebalik penciptaan, manusia menjalani hidup ini tanpa hala, seperti kapal di laut tanpa kemudi. Matlamat hidup mereka adalah salah disebabkan ajaran agama yang terpesong, ataupun materialistik dan terbatas kepada dunia ini sahaja. Oleh itu, amatlah penting bagi kesejahteraan diri mereka sendiri supaya mengetahui mengapa Tuhan menciptakan mereka.

Pada dasarnya, Allah mencipta untuk menzahirkan sifat-sifatNya. Oleh itu, makhluk merupakan hasilNya sebagai Pencipta, syurga menzahirkan sifat Rahmat dan KasihNya, neraka menzahirkan sifat AdilNya, kesilapan manusia menzahirkan sifat PenggampunanNya, makhluk yang bernyawa dan tidak bernyawa menzahirkan sifat PemurahNya, dan sebagainya. Kepentingan untuk mengetahui bahawa makhluk merupakan suatu cara bagi Tuhan menzahirkan sifatNya adalah supaya manusia dapat mengenali Tuhan dengan betul dan menerima qada dan qadarNya. Namun, perkara yang lebih penting lagi adalah supaya manusia mengetahui tujuan sebalik penciptaan mereka. Al-Qur'an mengajarkan bahawa tujuannya adalah untuk menyembah Tuhan kerana manusia haruslah menyembahNya untuk mencapai kebaikan dan tahap rohani yang diperlukan untuk memasuki syurga. Pentingnya pengetahuan

<sup>80</sup> *Muwatta Imam Malik*, ms 200 no 958 dan disahkan dalam oleh al-Albaanee di *Irwa'a al-Ghaleel*, jilid 5, ms 13-14 no 1190.

<sup>81</sup> *Sahih Muslim*, jilid 3, ms 818 no 3764.

<sup>82</sup> Dikumpul oleh Ahmad di *al-Musnad*, jilid 3, ms 183,184 dan 191 dan Al-Bukhari di *al-Adab al-Mufrad*, no 479 dan disahkan oleh Albaanee di *Silsilah al-Ahadeeth as-Saheehah*, jilid 1, ms 11 no 9.

ini adalah supaya manusia faham bahawa ibadat merupakan suatu keperluan seperti makan dan bernafas dan ia bukanlah dilakukan untuk membantu Tuhan.

Manusia perlu memahami betapa pentingnya kurnia dan ujian di dunia ini. Tanpa mengetahui tujuan di sebalik penciptaan mereka, manusia lazimnya melihat dunia ini seolah-olah memusuhi mereka. Akan tetapi, Tuhan telah menciptanya khas untuk mereka memanfaatkannya. Ujian yang baik dan buruk telah digubah untuk menerbitkan mutu kerohanian yang tinggi dalam diri manusia. Namun, manusia tidak dapat memanfaatkan ujian tersebut kecuali dengan menyerahkan kepercayaan sepenuhnya kepada Tuhan dan bersabar melalui takdir mereka. Bagi mereka yang menafikan Tuhan, ujian di dunia ini menjadi hukuman dalam hidup mereka sebelum menghadapi hukuman kekal di akhirat kelak.

Mengetahui tujuan dunia dapat juga menyedarkan orang yang beriman mengenai alam sekitarnya. Manusia bertanggungjawab untuk memanfaatkan apa yang dikurniakan dalam hidup mereka secara adil. Mereka telah diamanahkan menjaga makhluk-makhluk di darat dan laut, tanam-tanaman dan udara. Oleh itu, manusia harus berusaha untuk melindungi alam persekitaran mereka dan makhluk-makhluk yang bernyawa di bumi ini sebagai satu cara untuk bersyukur terhadap Tuhan.

Dengan menyedari tujuan kehidupan secara menyeluruh, manusia menjadi sempurna. Mereka berubah menjadi pembimbing bagi manusia, menunjuk mereka ke arah jalan yang benar. Oleh itu, Allah menyifatkan mereka sebagai manusia yang terbaik di dalam Al-Qur'an:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايْتُ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَوَمُّنُونَ بِاللَّهِ

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).”

Al-Qur'an, 3:110

## Indeks Hadith

"Ajaib sungguh urusan orang..."	33
"[Allah menciptakan] rahmat dengan seratus ..."	9
"Allah telah mengampuni seorang ..."	39
"Allah Yang Maha Kuasa berfirman:..."	10
"Apabila zina dilakukan ..."	36
"Beri amaran kepada saudara ..."	25
"Cubalah sedaya upaya untuk ..."	11
"Dan ingatlah bahawa amalan..."	11
"Dia yang mencintai kerana Allah ..."	23
"Doa itu ibadat."	24
"Dunia ini manis dan hijau..."	38
"Ini adalah jalan Allah." ..."	19
"Janganjadikan makhluk bernyawa..."	38
"Jika Allah mencintai seseorang ..."	23
"Jika [tanda-tanda] permulaan ..."	40
"Jika manusia mempunyai emas ..."	27
"Kekayaan bukanlah [diukur] dari..."	28
"Ketika Allah menciptakan alam semesta..."	8
"Lihat kepada mereka yang..."	28
"Para nabi, kemudian orang-orang ..."	29
"Rasulullah (ﷺ) melarang memukul binatang dan ..."	39
"Renungkanlah ciptaan Allah tetapi ..."	12
"Seburuk-buruk perkara adalah ..."	19
"Sekiranya kamu tidak melakukan dosa ..."	8
"Seorang lelaki yang sedang ..."	39
"Seorang Muslim yang menanam ..."	40
"Seorang wanita dihukum dan..."	39
"Sesiapa yang mempunyai tiga sifat..."	22
"Sesiapa yang mencipta (mengadakan) ..."	19

“Sesungguhnya Allah telah mewajibkan...”	39
“Syaitan akan datang kepada kamu...”	12
“Tidakkah kamu tahu bahawa ...”	9
“Untuk menyekutukan Allah, walaupun ...”	20
“Wahai kaum Qurasyh, selamatkan ...”	25
“Ya Allah, hanya milik Mu ...”	19

## Indeks Ayat-ayat Al-Qur'an

"Allah jualah yang membelah cahaya ..."	6:96-97	37
"Allah jualah yang menciptakan ..."	14:32-33	37
"Allah tidak memberati seseorang ..."	2:286	31
"Allah Yang Menciptakan tiap-tiap sesuatu, ..."	39:62	7
"Ambillah (sebahagian) dari harta ..."	9:103	27
"Bukanlah Nabi Ibrahim itu seorang ..."	3:67	17
"Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika ..."	7:172-3	13
"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan ..."	51:56	13
"Dan (ingatlah) Tuhanmu tidak ..."	18:49	30
"Dan (Ingatlah), sesiapa berserah ..."	65:3	30
"Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau ..."	32:12	10
"Dan Allah telah melebihkan ..."	16:71	26
"Dan apa juu yang menimpa kamu ..."	42:30	33
"Dan apabila hamba-hambaKu bertanya ..."	2:186	23
"Dan berilah khabar gembira kepada..."	2:155-6	33
"Dan boleh jadi kamu benci ..."	2:216	30
"Dan demi sesungguhnya, Kami..."	32:21	34
"Dan Dia lah yang menjadikan ..."	6:165	27
"Dan jagalah diri kamu daripada ..."	8:25	36
"Dan janganlah engkau tertarik hati ..."	9:85	34
"Dan janganlah kamu berbunuuh-bunuhan ..."	4:29	31
"Dan janganlah kamu terlalu ..."	4:32	28
"Dan jika kamu menghitung ..."	16:18	22
"Dan juga orang-orang yang apabila ..."	3:135	17
"Dan kalau mereka dikembalikan ke dunia ..."	6:28	10
"Dan kalaullah Allah mengirakan ..."	35:45	33
"Dan ketahuilah bahawa harta ..."	8:28	26
"Dan mereka mengingkarinya secara ..."	27:14	21
"Dan pada harta-harta mereka,..."	51:19	28

“Dan sesiapa yang mencari ugama ...”	3:85	18
“Dan supaya Ia menyeksa orang-orang...”	48:6	32
“Demi sesungguhnya, menciptakan langit ...”	40:57	6
“Dia lah yang telah mentakdirkan ...”	67:2	25
“Dia tidak boleh disoal tentang apa...”	21:23	12
“Itu hanya tertentu bagi Allah...”	12:67	30
“Jika benar kamu mengasihi Allah...”	3:31	10
“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah ...”	3:110	41
“Katakanlah (wahai Muhammad); “Aku ...”	113:1-2	7
“Katakanlah: “Sesungguhnya sembahyangku ...”	6:162	18
“Katakanlah: Aku tidak berkuasa ...”	7:188	24
“Ketahuilah dengan "zikrullah" ...”	13:28	29
“Langit yang tujuh dan bumi...”	17:44	14
“Maka ucapkanlah tasbih ...”	110:3	14
“Mereka tidak mengetahui sesuatu ...”	2:255	12
“Nampakkah (wahai Muhammad) ...”	25:43	21
“Oleh itu, hendaklah mereka ...”	24:63	36
“Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) ...”	94:5-6	31
“Padahal Allah yang mencipta kamu ...”	37:96	7
“Patutkah manusia menyangka bahawa ...”	29:2-3	35
“Sesiapa yang membawa amal kebaikan ...”	6:160	11
“Sesungguhnya Akulah Allah...”	20:14	16
“Sesungguhnya Allah tidak akan...”	4:48	20
“Sesungguhnya benda-benda yang ...”	7:194	24
“Sesungguhnya Kami telah jadikan ...”	18:7	25
“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan ...”	19:96	23
“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan...”	2:218	32
“Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah...”	5:91	17
“Sesungguhnya tidak berputus asa ...”	12:87	31
“Sesungguhnya ugama (yang benar ...)”	3:19	18

“Seungguhnya orang-orang yang beriman ...”	98:7	20
“Supaya kamu duduk tetap di atasnya...”	43:13-14	38
“Syaitan telah menguasai dan mempengaruhi...”	58:19	16
“Telah timbul berbagai kerosakan ...”	30:41	35
“Tiada sesuatu pun yang sebanding...”	42:11	7
“Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) ...”	64:11	8
“Wahai orang-orang yang beriman...”	2:183	16
“Wahai orang-orang yang beriman! ...”	63:9	27
“Wahai orang-orang yang beriman! ...”	2:264	28
“Wahai orang-orang yang beriman! ...”	33:41	16
“Wahai sekalian orang-orang yang beriman! ...”	2:153	32
“(Walaupun demikian), ada juga di ...”	2:165	22

## Bibliografi

Albaanee, Naasirud-Deen al-, *Irwaa' al-Ghaleel*, Beirut: al-Maktab al-Islamee, ed. 1, 1979.

*Saheeh Sunan Abee Daawood*, Beirut: al-Maktab al-Islamee, ed. 1, I988, *Daawood*

*Saheeh Sunan at-Tirmithi*, Riyadh: Biro Pendidikan Arab bagi Negara-negara Teluk ed. 1, 1988.

*Saheeh Sunan Ibn Maajah*, Beirut: al-Maktab al-Islamee, ed. 3, I988.

Silsilah al-Ahaadeeth as-Saheehah, jilid 1, Beirut: al-Maktab al-Islamee, ed. 4, 1985.

Silsilah al-Ahaadeeth as-Saheehah, jilid 4, Riyadh: al-Maktabah al-Maarif, ed. 4, 1988.

*Chambers Pocket Dictionary*, Edinburgh: W& R Chambers, 1992.

Hasan, Ahmad, *Sunan Abu Dawud* [Inggeris], Lahore: Sh. Muhammad Ashraf Publishers, ed. 1, 1984.

Khan, Muhammad Muhsin, *Sahih Al Bukhari*. [Arab-Inggeris], Riyadh: Maktabah ar-Riyaad al-Hadeethah, 1981.

Rahimuddin, Muhammad, *Muwatta Imam Malik* [English], Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, 1980.

Robson, James, *Mishkat Al-Masabih*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, 1981.

Siddiq. Abdul Hamid. *Sahih Muslim* [Inggeris], Lahore: Sh. Muhammad Ashraf Publishers, 1987.

*The Living Webster Encyclopedic Dictionary*, Chicago: The English Language Institute of America, 1975.

*The New Encyclopaedia Britannica*, Chicago: Encyclopaedia Britannica, ed. 15, 1991.

*The World Book Encyclopedia*, Chicago: World Book, 1987.

## KANDUNGAN

Pendahuluan .....	1
Mengapa Tuhan Menciptakan? .....	5
Mengapa Tuhan Menciptakan Manusia? .....	12
Mengapakah Tuhan Mencipta Manusia di Bumi? .....	25
Mengapa Tuhan Mencipta Alam Semesta? .....	37
Kesimpulan .....	40
Indeks Hadith .....	42
Indeks Ayat-ayat Al-Qur'an .....	44
Bibliografi .....	47